


Jilid II
Bil. 2



MALAYSIA

Hari Khamis
11hb Mei, 1972

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 153]

USUL:

**Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 209]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 11hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,
S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N.
(Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK
BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM,
P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI
BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI
GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD
(Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD
(Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN
IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON,
K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibü).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

Yang Berhormat TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL** (Labuan-Beaufort).
- „ **TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK**, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH**, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ **TUAN MUSA HITAM** (Segamat Utara).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN**, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN** (Seberang Tengah).
- „ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM**, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ **TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH**, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ **TUAN SOH AH TECK**, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA** (Kimanis).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE**, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ **TUAN TING MING KIONG** (Bintulu).
- „ **DATO' JAMES WONG KIM MIN**, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas, **DR LIM KENG YAIK** (Di-lantek).

DO'A

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Meshuarat*)

**JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²**

**JAWATAN TETAP JURUTAIP²—
UJIAN**

1. Tuan V. Veerappen (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengenai ujian untuk jawatan tetap yang di-langsungkan pada tahun lalu bagi jurutaip²:

- (a) bilangan jurutaip² sementara yang menduduki ujian ini;
- (b) bilangan jurutaip² yang telah gagal;
- (c) bilangan jurutaip² yang lulus; dan
- (d) sama ada beliau sedar bahawa meja² yang di-gunakan sa-masa ujian tersebut sangat rendah dan terlampau kecil dan sa-tengah² daripada mesin taip rosak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan jurutaip² sementara yang menduduki ujian itu ia-lah 1,564.

- (b) Bilangan jurutaip² yang gagal ia-lah 865.

- (c) Bilangan jurutaip² yang lulus ia-lah 699.

- (d) Sa-tahu saya, peralatan dan perabut di-tempat ujian bagi jurutaip² itu adalah dalam keadaan baik dan telah di-atorkan dengan sempurna. Semua jurutaip sementara yang mengambil ujian itu telah di-beritahu terlebih dahulu bahawa mereka di-kehendaki membawa mesin² taip masing² dan memastikan bahawa mesin² yang mereka gunakan ada-lah dalam keadaan baik dan sempurna.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar ada sa-tengah² jurutaip yang gagal ia-lah oleh kerana dia tidak membuat pekerjaan menaip tetapi di-arah tugaskan membuat kerja² sa-bagai kerani dan ada juga saya dengar menjadi penjaga khutub-khanah, maka sudah tentu-lah kemahiran menaip-nya itu kurang. Apa-kah kira-nya ada perkara seperti ini berlaku dan dapat ka-pengetahuan Kerajaan di-beri apa² imbohan atau pertimbangan dalam ujian yang telah di-jalankan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar perkara ini, kalau ada perkara² seperti yang berlaku, tindakan akan di-ambil.

KETUA² JABATAN PERSEKUTUAN DI-SARAWAK

2. Tuan Luhut Wan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapa bilangan Ketua² Jabatan² Persekutuan dalam Sarawak dari penduduk² Malaysia Barat dan Malaysia Timor; dan
- (ii) sama ada beliau akan menimbang meletakkan orang² Malaysia Timor sa-bagai Ketua² Jabatan² Persekutuan yang lain di-Sarawak dan jika tidak mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Daripada sa-jumlah 38 jawatan² Ketua Jabatan bagi Jabatan² Persekutuan di-Sarawak, 36 jawatan² itu ada-lah di-penuhi oleh pegawai² dari Malaysia Timor dan hanya 2 sahaja jawatan di-penuhi oleh pegawai² dari Malaysia Barat, ia-itu di-Jabatan Perubatan dan Jabatan Pelajaran.
- (ii) Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk memenohi jawatan² Ketua² Jabatan Persekutuan oleh pegawai² Persekutuan yang paling layak dan sesuai untuk jawatan tersebut. Bagi jawatan² Ketua Jabatan Persekutuan di-Sarawak pegawai² dari Malaysia Timor akan di-beri keutamaan sa-kira-nya mereka itu di-dapati layak dan sesuai untuk jawatan² tersebut.

KERAJAAN CHAMPORAN GERAKAN—PERIKATAN DI-PULAU PINANG

3. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Majlis penyelarasan dan Jawatan-kuasa Perunding Kerajaan Champoran Gerakan-Perikatan di-Pulau Pinang ada-lah badan² Kerajaan Negeri atau pun badan "inter-parties" (Gerakan-Perikatan) dan sama ada ahli² di-dalam badan² ini di-bayar gaji dari wang² awam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penyelarasan dan Jawatan-kuasa Perunding itu ada-lah badan² "inter-parties" (Perikatan-Gerakan) dan bukan-lah badan²

Kerajaan Negeri, dan ahli²-nya tidak di-bayar gaji dari wang Kerajaan.

Tuan Peter Paul Dason: (Dengan izin) Sir, since these bodies—the Co-ordinating Council and the Consultative Committee of the Gerakan-Alliance Coalition—are inter-party bodies and not Government bodies, could the Prime Minister inform this House whether it is proper for these bodies to conduct their meetings at State Government premises?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh di-benarkan kerana mereka itu ia-lah ahli² parti Kerajaan dan mereka itu menolong menjalankan tugas² Kerajaan.

UTUSAN KHAS PRESIDEN NIXON KA-KUALA LUMPUR

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menjelaskan tujuan lawatan utusan khas Presiden Nixon ka-Kuala Lumpur sa-lepas lawatan Presiden Nixon ka-Republik Ra'ayat China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, Tuan Marshall Green, wakil khas Presiden Nixon melawat Kuala Lumpur untuk menerangkan kepada Kerajaan Malaysia berkenaan lawatan Presiden Nixon ka-negeri China. Penerangan Tuan Marshall Green itu ada-lah sa-nada dengan apa yang terkandung dalam communiqué yang di-keluarkan di-Shanghai sa-lepas lawatan Presiden Nixon baharu² ini.

DUTA² DAN PEGAWAI² DIPLOMATIK MALAYSIA

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada duta² dan pegawai² diplomatik kita yang berkhidmat di-luar negeri mempunyai tugas² yang sama dengan pegawai² kita yang berkhidmat di-dalam negeri;
- (b) kemudahan² khas yang di-berikan kepada duta² dan pegawai² diplomatik kita;
- (c) sama ada mereka pernah melaporkan kesulitan atau kesukaran mereka; dan
- (d) tugas² penting yang mereka mesti jalankan di-luar negeri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Duta² serta pegawai² diplomatik adalah di-dalam perkhidmatan yang sama dengan pegawai² di-dalam negeri, dengan perbezaan mereka yang berkhidmat di-luar menjalankan tugas² yang berkaitan dengan perhubungan antarabangsa Malaysia.
- (b) Apabila bertugas di-luar negeri Duta² dan pegawai² diplomatik kita adalah di-beri elaun seberang laut dan juga keistimewaan diplomatik oleh negara² tuan rumah di-atas dasar "reciprocity".
- (c) Bila saja saya menerima laporan² mengenai kesulitan pegawai² kita, perkara ini sentiasa-lah di-berikan pertimbangan yang sewajar-nya.
- (d) Soalan yang ke-empat, soalan ini telah di-jawab pada bahagian yang pertama tadi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kira-nya negara² yang di-lantek bertugas telah menanamkan modal atau membuat perniagaan dalam negeri ini atas daya usaha yang di-buat oleh Duta² kita atau pegawai² di-kedutaan itu, ada-kah di-bolehkan atau di-halalkan kira-nya Duta itu mengambil komishen atau faedah daripada usaha melalui penanaman modal daripada negeri² itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak di-benarkan. Ini salah dari segi undang².

PAKATAN² PENYELUDUP BARANG² KA-MALAYSIA

6. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa tempat di-Malaysia Barat dan Timor yang di-gunakan oleh pakatan² penyeludup sa-bagai pengkalan untuk menyeludup barang² ka-negara ini;
- (b) sama ada benar pakatan² penyeludup ini maseh giat dan membiak melancarkan usaha² mereka;
- (c) berapa jabatan yang memberikan kerjasama menentang masaalah ini; dan

- (d) sama ada terdapat orang² yang bukan warganegara di-antara mereka yang tertangkap.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan pangkalan yang di-gunakan oleh pakatan² penyeludup ia-lah sabanyak 38 tempat di-Malaysia Barat dan 14 di-Malaysia Timor.
- (b) Memang benar terdapat beberapa pakatan atau sindiket penyeludupan yang haram maseh bergiat tetapi kebanyakan-nya telah di-lumpuhkan dengan tindakan bersama oleh pihak Polis, Badan Penchegah Rasuah, Kastam dan Lembaga Padi dan Beras Negara.
- (c) Jabatan² yang aktif dalam menjalankan usaha² untuk melumpuhkan aktiviti penyeludupan ia-lah:

- (i) Polis di-Raja Malaysia,
- (ii) Kastam dan Eksais Di-Raja,
- (iii) Badan Penchegah Rasuah, dan
- (iv) Lembaga Padi dan Beras Negara.

Di-samping itu ada beberapa Kementerian dan Jabatan yang lain yang memberikan kerjasama-nya di-dalam menchegah penyeludupan seperti Kementerian Pertanian dan juga Angkatan Tentera Laut di-Raja Malaysia.

- (d) Sa-ramai 212 orang bukan warganegara telah di-tangkap kerana penyeludupan dalam tahun 1970 dan 1971.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab pakatan penyeludupan ini telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan pakatan ini telah wujud di-negara kita, mungkin juga raja² ahli pakatan telah menjadi orang hartawan. Satakati ini dapat-kah Kerajaan mengikuti atau mengesan jejak-langkah raja² pakatan penyeludupan supaya di-berkas akan mereka itu?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pekerjaan itu semua telah di-perbuat atas anggota² yang saya sebutkan tadi. Saya perchaya penoh atas pekerjaan mereka sakalian.

LEMBAGA PENAPIS FILEM— SUSUNAN ANGGOTA

7. **Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakannya:

- (a) sama ada Kementerian ini berchadang hendak menyusun sa-mula anggota Lembaga Penapis Filem dengan melantek sa-orang Ulama menjadi salah sa-orang anggota Lembaga tersebut; dan
- (b) sebab² mengapa Kerajaan membenarkan penayangan filem² sex sa-chara berleluasan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, chadangan Ahli Yang Berhormat itu tiada dapat di-laksanakan oleh kerana—Ahli² Lembaga Penapis Filem ini ada-lah di-lantek untuk bertugas “full-time” dan di-bayar gaji bulanan saperti pegawai² Kerajaan yang lain mengikut Sekshen 3 “Cinematograph Films Ordinance, 1952” dan bukan-nya bertugas sambilan² sahaja. Ahli² Lembaga ini juga menapis dua—tiga filem tiap² hari. Oleh yang demikian ada-lah di-khuatirkan yang “Alim Ulama” mungkin tiada dapat melapangkan masa untuk menjalankan tugas² ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya walau bagaimana pun ada melantek sa-orang daripada gulongan “Alim Ulama” ia-itu Kadhi Besar Kuala Lumpur untuk menjadi ahli Jawatan-kuasa rayuan mengikut Sekshen 18 “Cinematograph Films Ordinance, 1952”. Menyatakan yang Kerajaan telah membenarkan tayangan² filem sex berleluasan itu tidak-lah benar. Oleh kerana Kerajaan tidak pernah membenarkan tayangan² filem sex dengan arti kata yang sa-benar-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar, di-Kuala Lumpur sa-umpama-nya kadang² semua panggong² wayang di-Kuala Lumpur menunjokkan ‘X’ Filem, sampai saya sendiri tidak boleh membawa keluarga saya pergi menunton wayang gambar itu, oleh sebab ada keluarga saya yang berumor kurang daripada 18 tahun?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita yang Ahli Yang Berhormat ini suka menengok Sex Filem kerana dia tahu kalau dia bawa keluarga-nya tentu-lah dia membacha advertisement

dahulu. Kalau dia pergi tentu-lah dengan kesukaan dia sendiri dan barangkali dia hendak menarek perhatian keluarga-nya, barangkali sudah kahwin lama, hendak bermesera sa-mula dengan isteri-nya, tetapi memang-lah betul ada pada suatu masa yang panggong wayang menayangkan Sex Filem ini serentak dan itu-lah sebab-nya kita hendak adakan satu Jawatan-kuasa Parlimen. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu bagi pehak parti-nya akan menyambut baik dan menghantarkan wakil. Kalau Ahli Yang Berhormat itu sendiri hendak masuk kerana satu daripada tugas Jawatan-kuasa ini akan melihat filem itu sa-belum di-sensor. Lepas sensor di-keluarkan pendapat masing² termasuk-lah Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan atas jemputan itu. Malang-nya saya tidak ada masa untuk menerima jemputan itu, tetapi maksud saya bertanya itu bukan saya hendak menunton ‘X’ Filem, tetapi kadang² saya hendak relax sedikit kerana hendak menunton wayang, tetapi semua ‘X’ Filem. Saya terpaksa kadang² pergi menunton ‘X’ Filem itu-lah, tetapi saya berasa semua Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini mahu.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa pertanyaan-nya Yang Berhormat? Ini cherita kemahuan sendiri.

Dr Tan Chee Khoon: Pertanyaan saya ia-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini pun hendak membawa keluarga-nya menunton wayang gambar di-panggong wayang di-Kuala Lumpur atau di-mana² pun, tetapi malang-nya oleh sebab semua panggong² wayang menunjokkan ‘X’ Filem maka kami tidak boleh mengambil keluarga ka-panggong wayang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pertanyaan-nya apa? Tidak timbul lagi soalan pada fahaman saya ini. Chuma Yang Berhormat mencheritakan kemahuan atau kehendak-nya sendiri dan juga Ahli² Yang Berhormat yang lain. Apa-kah pertanyaan yang di-tujukan kepada Yang Berhormat Menteri itu?

Dr Tan Chee Khoon: Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, di-Kuala Lumpur kadang²

semua panggong wayang menunjukkan 'X' Filem, boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengurangkan 'X' Filem di-Kuala Lumpur?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu baharu betul pertanyaan-nya.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pertama-nya saya berasa dukachita yang Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat hendak menjadi salah sa-orang anggota Jawatan-kuasa itu. Jawapan yang akhir di-atas pertanyaan yang akhir ia-itu saya katakan tadi, ada pada suatu masa ia-itu masa yang singkat. Saya fikir tidak lama, pada sa-minggu atau pun dua minggu. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu terpaksa, saya fikir terpaksa itu mesti ada juga sukachita. Kalau tidak tentu-lah boleh dia menahan sedikit masa-nya dengan melihat Sex Filem yang tidak di-suka, tetapi saya fikir dalam hati nya ada juga sedikit suka hendak menengok Sex Filem ini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Is the Honourable Deputy Prime Minister aware that since the "X" films were allowed, they have greatly damaged the morals of the youths of this country, leading to an increase in sex crimes and sex offences? For instance, we now, almost everyday, read of young girls being kidnapped by syndicates in order to be forced into the wicked world of prostitution and others. In fact, in Penang, there was a report that after the screening of "X" films, even youngsters, schoolchildren, sixteen, seventeen-year old teenagers are beginning now to call at hotels to put into practice what they see on the sex films. Is not this a grave threat to the morals of this country and to the development of purposeful youths and whether he would therefore ban the screening of "X" films? If it is decided to form a Parliamentary Committee, ban the films first and let the Parliamentary Committee come with its recommendations before more damage is done.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, di-Kuala Lumpur banyak kerja² yang saya terpaksa laksanakan, ta' dapat-lah saya menonton panggong² di-sini, tetapi pada masa saya di-London sana, saya tengok penonton² yang menengok filem sex ini kebanyakan-nya orang² tua dan sedikit sahaja orang² muda. Di-sini saya pun diberitahu kebanyakan orang² yang merungut fasal filem sex ia-lah orang tua, kapada orang

muda ta' ada nampak mereka itu memberi bantahan atas filem ini. Atas soal crime yang berkenaan dengan sex ini, saya pun telah memerhatikan sa-belum filem sex di-tayangkan, banyak-lah rogol² yang berlaku di-dalam negeri² di-Malaysia ini di-mana rogol² ini berlaku. Di-tempat itu ta' ada di-tayangkan filem sex pada masa baharu² ini. Atas hendak mengharamkan (ban) filem sex ini sa-belum Jawatan-kuasa itu bekerja, saya fikir saya tidak akan menghormati akan Jawatan-kuasa itu jikalau saya ban sa-belum Jawatan-kuasa itu di-angkat dan saya berharap-lah Ahli Yang Berhormat itu akan menghantar wakil dan saya harap dia sendiri, kalau dia hendak menhadangkan ban, boleh-lah di-rundingkan dalam Jawatan-kuasa yang akan di-lantek itu kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, the Deputy Prime Minister has said that even before "X" films were allowed there were cases of sex offences and all that. It is true. But has the Head of Department who is responsible for this particular area any statistics as to the incidence of sex offences, sex crimes and missing young girls before the "X" films were allowed and after these few months when X-films were allowed—whether there has been an increased incidence? Can the Honourable Deputy Prime Minister say whether there has even been any such study?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Perkara ini memang-lah satu perkara yang sangat mustahak di-adakan satu statistik itu, tetapi atas statistik ini, soal sex ini ada-lah susah, ada musim²-nya, kadang² ada orang hendak hari² dan ada separoh-nya hendak dari sa-masa ka-samasa. Apabila Jawatan-kuasa ini bersidang, saya harap Ahli Yang Berhormat itu bersama² mereka akan mengkaji statistik² dan boleh tahu kalau sex ini ada musim² atau sa-panjang² itu kita harap-lah Dewan ini akan mendapat laporan daripada jawatan-kuasa yang akan di-lantek kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini yang akhir!

Tuan Lim Kit Siang: Just now we heard from the Deputy Prime Minister that when he was in London he found out that there are a lot of old people who went to see "X" films

and not the youths. But I wonder why we are always told that we must adapt conditions, adapt institutions like democracy, parliamentary practices a'la Malaysia? Why is it that we always pick the worst, the most heinous and the most demeaning aspects of Western civilisation and Western culture and throw away the best, the good points? Surely this is one of the worst things that we can pick on, i.e. allowing "X" films to be shown in this country.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat ini ta' faham jawapan saya. Saya kata tadi di-England kebanyakan orang² yang menonton filem sex ini ada-lah orang² tua, saya kata boleh jadi di-sini juga. Ini ta' ada soal hendak impot atau ta' impot filem sex itu. Kalau hendak mentafsir daripada jawapan saya itu, boleh di-katakan ramai orang² yang tertarek hati pada filem sex ini daripada orang² muda.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Saya suka mendapat jaminan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan filem yang di-katakan filem sex atau pun separoh sex di-mana terdapat sa-lain daripada circular yang di-keluarkan ia-lah melarang orang² yang di-bawah umur 18 tahun daripada melihat filem² ini. Jadi, dengan circular ini bukan orang² yang berumur di-bawah 18 tahun itu lagi tidak tengok, bahkan makin bertambah hendak tengok. Saya minta jaminan ada-kah larangan saperti ini benar² berjalan ketika mana filem² sex atau pun separoh sex ini di-tunjokkan atau di-tayangkan di-dalam negeri ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu fikiran-nya sa-mata² dengan sex, hinggan di-katakan ada larangan kepada orang² yang berumur di-bawah 18 tahun ta' boleh tengok filem sex. Saya katakan tadi Kementerian saya tidak mengatakan yang filem sex ini dengan erti kata filem sex ini di-tayangkan, chuma ada classification. Classification itu bukan-lah filem² yang menunjokkan sex sahaja. Ahli Yang Berhormat ini fikiran-nya itu sahaja (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Saya tidak mengatakan pertunjukan yang di-tayangkan itu hanya sa-mata² filem sex, tetapi itu ada-lah men-

datangkan hal² yang tersebut. Jadi, oleh kerana dengan ada-nya tayangan saperti itu, maka pemuda² suka benar melihat filem² saperti ini, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi, orang² tua memang mustahak tengok filem² sex atau pun filem² yang menuju ka-araf itu. Sekarang ini ada larangan² kepada orang² muda supaya tidak mendatangkan kejadian² merogol, men-cholek dan sa-bagai-nya. Saya hanya minta jaminan supaya orang² muda tidak di-benarkan masuk dengan sa-chara sa-benar²-nya. Jangan hanya buat circular sahaja ta' benarkan masuk, sedangkan yang penoh masuk di-situ bukan orang tua, tetapi ada-lah orang² muda—itu sahaja.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh minta izin daripada ketua parti-nya supaya dia duduk dalam Jawatan-kuasa ini dan apa² yang di-suarakan itu ada-lah di-harap boleh di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa tersebut, ia-itu jikalau ketua parti-nya hendak melantek-nya.

PROJEK PERUMAHAN DI-LUAR² BANDAR

8. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila-kah Kerajaan Persekutuan akan meluaskan projek² perumahan harga murah ka-perkampungan² luar bandar dan rumah² panjang kawasan² ulu di-Sarawak, khas-nya dalam Daerah Saribas.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang sama pada 16hb Julai dan sa-kali lagi pada 10hb Disember tahun lalu dan menyatakan bahawa peruntukan bagi perumahan awam di-negeri itu, di-bawah Perlembagaan Malaysia, ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri, dan juga, jika di-dapati permohonan² meminjam wang Persekutuan untuk ranchangan² perumahan awam di-Negeri Sarawak oleh Kementerian, maka permohonan saperti itu akan di-timbangkan berpandu kepada peruntukan wang yang di-untukkan bagi perumahan dalam Anggaran Pembangunan. Memandangkan bahawa sudah 3 orang Ahli² Yang Berhormat dari Sarawak mengemukakan soalan ini di-Dewan ini pada 3 Persidangan yang berlainan, maka saya shorkan Ahli² Yang Berhormat yang berkenaan menghubungi Kerajaan

Negeri Sarawak supaya mengadakan ranchangan² perumahan awam di-kawasan² yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Di-bawah perenggan 830 Sekshen 11 Perumahan Bab XVI Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan Negeri Sarawak akan membelanjakan sa-banyak \$12.5 juta bagi perumahan. Sa-kira-nya Kerajaan Negeri itu tidak dapat mengadakan wang-nya sendiri untuk ranchangan² itu, maka ada-lah terpulang kepada Kerajaan Negeri itu untuk memohon wang pinjaman Persekutuan.

Tuan Luhut Wan: Ada-kah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar, Penduduk² di-luar bandar ada-lah sangat sukar membuat atau membangunkan rumah² panjang pada masa ini oleh kerana peratoran² yang lama bagaimana yang telah di-gunakan pada masa yang telah lampau sudah pun di-tanggohkan dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa supaya mengambil alih untuk membangunkan rumah² panjang. Mengikut pengetahuan saya, di-dalam bandar²

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini ucapan Yang Berhormat? Sa-takat tanya sudah-lah.

Tuan Luhut Wan: Saya bertanya, ada-kah sa-kira-nya Kerajaan akan meranchangkan lagi membuat rumah harga murah untuk orang² yang diam di-situ?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu mengerti jawapan saya soalan tambahan itu, perkara ini tidak timbul.

TUNGGAKAN GAJI PEKERJA² PERUSAHAAN

9. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, mengapa-kah tunggakan gaji untuk pekerja² Perusahaan dan Buroh Kasar dalam Pentadbiran Ibu Kota Persekutuan telah tidak di-bayar menurut Laporan Surohanjaya Suffian.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak mengetahui bahawa Laporan Surohanjaya Suffian telah membuat perubahan gaji dan syarat² perkhidmatan bagi

Perkhidmatan Awam sahaja dan tidak meliputi Badan² Berkanun seperti Dewan Bandaraya. Seperti yang di-ketahui umum, Surohanjaya Harun sedang mengkaji gaji dan syarat² perkhidmatan bagi perkhidmatan² dalam Badan² Berkanun. Oleh yang demikian, soal pembayaran tunggakan gaji menurut Laporan Surohanjaya Suffian untuk Pekerja² Perusahaan dan Buroh Kasar di-Dewan Bandaraya tidak timbul sama sa-kali.

Tuan V. David: (Dengan izin) The Honourable Minister, I am sure, may not be aware that in certain City Councils the industrial workers have been paid in accordance with the Report of the Suffian Commission and also arrears of pay. In fact, Penang has accepted the recommendations and has paid the arrears. Why is this not applicable in Kuala Lumpur?

Dato' Ong Kee Hui: (Dengan izin) Perhaps the Honourable Member is not aware that under the Constitution local government is entirely a State matter and although we try to co-ordinate matters of policy, I am afraid that certain State Governments have, shall I say, jumped the gun and have taken matters into their own hands before the Harun Commission's Report has been submitted to the Government.

SETESHEN² MINYAK PETROL DI-IBU KOTA

10. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, sama ada beliau sedar bahawa ada banyak sangat seteshen² minyak petrol di-Ibu Kota. Ada-kah Kerajaan akan mengambil langkah² yang sewajar-nya bagi mengadakan kawalan dengan sempurna ka-atas seteshen² minyak petrol supaya di-hadkan kepada kawasan² tertentu dan tidak menghalang lalu-lintas di-sepanjang pinggir jalan raya dan kawasan² perumahan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan telah mengkaji kedudukan seluruh-nya mengenai seteshen² minyak petrol di-Kuala Lumpur dan sa-terus-nya mengambil langkah menarek balek dasar seteshen minyak petrol yang di-keluarkan pada bulan April 1969. Pihak Kementerian telah mengarahkan Pihak-berkuasa Peranchang Bandaraya supaya jangan menggalakkan permohonan² bagi mendirikan seteshen²

pam minyak di-sepanjang jalan raya di-mana seteshen² yang chukup telah di-luluskan atau pun telah sedia ada.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) The Honourable Minister, I am sure, is aware that as a result of the careful planning in Singapore they have found out that petrol pumps are becoming a danger especially in the heart of the town, in the midst of heavy traffic, and they have been given notices of 10 years. There are places especially in the Federal Capital where certain petrol pumps will have to be removed. Will the Minister consider this aspect in view of the growing population and traffic congestion in the town to remove certain petrol stations from the places where they are situated now?

Dato' Ong Kee Hui: (*Dengan izin*) The whole aspect of this is now under consideration and under review and I can assure the Honourable Member that all this will be taken into consideration.

MAJLIS DAILOG GURU²

11. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan sa-jauh manakah beliau telah tunaikan janji yang di-buatnya di-dalam suatu majlis dailog dengan guru² pada bulan Disember tahun lalu berhubung dengan:

- (a) pariti bagi sa-tengah² guru yang berke-lulusan Sijil Pelajaran Malaysia tetapi bukan terlatah di-Maktab Latehan Harian;
- (b) kedudukan guru² dalam kategori C. 2 yang mula berkhidmat pada masa sa-belum perang;
- (c) kedudukan guru² besar;
- (d) kedudukan guru² di-bawah Perkhidmatan Guru² Yang di-Persatukan (U.T.S.) yang tidak termasuk di-dalam Kategori C. 1.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang di-maksudkan dan di-janjikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam majlis dailog dengan guru² dalam bulan Disember tahun lalu ia-lah bahawa beliau akan mengkaji segala tuntutan² yang di-kemukakan oleh mereka dan bukan-nya menunaikan segala tuntutan² itu. Walau bagaimana pun

jawapan² kepada soalan² Yang Berhormat itu ada-lah saperti berikut:

- (a) pariti telah pun di-berikan kepada guru² berkenaan;
- (b) soalan ini sa-benar-nya kurang jelas. Jika yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah sama ada guru² yang mula berkhidmat pada masa sa-belum perang dahulu di-tempatkan ka-dalam Kategori C. 2 jawab-nya, Ya. Ini ada-lah mengikut apa yang di-shorkan oleh Surohanjaya Gaji Aziz dan di-persetujukan oleh Kerajaan;
- (c) jika yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah elau tang-gong-jawab bagi guru² Besar, perkara ini maseh dalam kajian;
- (d) dukachita soalan ini terlalu umum untok di-jawab dengan tepat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Ada-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar, bahawa oleh sebab implimentasi Laporan Surohanjaya Aziz maka timbul-lah beberapa masaalah² atau di-dalam bahasa Inggeris anomalies. Oleh sebab itu, ada-kah Kementerian tersebut akan berunding dan berbincang dengan kesatuan guru² supaya masaalah anomalies itu boleh di-selesaikan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya itu soal lain. Tetapi walau bagaimana pun mengikut jawapan saya tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun mengadakan dailog dengan bukan sahaja dengan guru²—kesatuan² guru dan juga badan² lain yang ada hubungan-nya dan memberi perhatian tentang pelajaran di-negara kita dan segala masaalah² yang berhubung dengan perguruan ini telah pun di-bincangkan dan di-kemukakan di-dalam dailog tersebut.

GURU² UGAMA DI-SEKOLAH² MENENGAH

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru² Ugama di-Sekolah² Menengah yang telah tamat latehan perguruan dan memileki Sijil Pelajaran Malaysia telah di-masokkan di-dalam kategori C. 2 di-dalam Laporan Surohanjaya Aziz tetapi tidak mendapat layanan yang sama saperti guru² lain di-dalam kategori yang sama.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah tidak benar bahawa Guru² Ugama di-Sekolah² Menengah yang telah tamat lathihan perguruan dan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia yang telah di-tempatkan di-dalam tangga-gaji Kategori C. 2 telah tidak mendapat layanan yang sama seperti guru² lain di-dalam kategori yang sama. Semua guru² di-dalam Kategori C. 2 ada-lah mendapat layanan yang sama.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian ini sedar masalah ia-itu layanan berhubung dengan tangga-gaji guru² sekolah menengah telah di-masukkan dalam Kategori C. 2, tetapi ada-kah bagi pihak Kementerian itu tahu atau pun semua pihak tahu ia-itu masalah gaji guru² sekolah rendah Kerajaan Negeri² tidak termasuk dalam Laporan Surohanjaya Aziz. Apa-kah langkah² yang patut di-buat oleh Kementerian ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu pun di-timbulkan beberapa kali yang lalu, dan bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat perkara guru² Ugama di-Sekolah Rendah ini ada-lah perkara Kerajaan Negeri. Jadi terserah kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah yang tersebut.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Walau macham mana pun saya rasa ia-itu bagi pihak Kerajaan Negeri baharu² ini telah membuat laporan kepada Kementerian ia-itu menyerahkan susunan tangga-gaji itu kepada Kementerian sendiri. Di-sini saya harap bagi pihak Kementerian hendak-lah membuat satu penyelidikan atau pun penyiasatan yang benar² supaya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa pertanyaan-nya itu, Yang Berhormat membuat ucapan.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Pertanyaan saya ia-itu supaya dapat bagi pihak Kementerian erti-nya memasukkan semula ia-itu gaji guru² Ugama di-Sekolah Rendah itu dalam Penyata Aziz.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi.

MURID² YANG TERCHICHIR DI-SEKOLAH²—BILANGAN

13. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan murid² yang terchichir di-sekolah² rendah dan menengah dalam tahun 1971;
- (b) apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh Kementerian ini bagi membolehkan murid² ini menyambung sa-mula pelajaran mereka dan apa-kah ikhtiar Kerajaan untuk mengelakkan kejadian seperti itu dari berlaku lagi pada masa hadapan; dan
- (c) sebab² utama yang menyebabkan murid² terchichir dari sekolah.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kechichiran:

- (a) Perengkat rendah tahun lalu 93,300. Perengkat menengah 86,401.
- (b) Tindakan yang akan di-ambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap masalah kechichiran ini ada-lah bergantung kepada sebab² kechichiran itu berlaku. Oleh kerana kajian mengenai awal-nya belum selesai dan laporan awal-nya tidak di-jangka dapat diperolehi sa-hingga bulan Jun tahun ini, maka belum-lah dapat saya menjawab dengan tepat apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimana pun, untuk sementara waktu ini Pegawai² Kanan Kementerian termasuk Ketua² Pegawai Pelajaran negeri telah di-arahkan untuk mengadakan kempen² yang sesuai sa-kurang²-nya untuk mengurangkan kechichiran ini berlaku.
- (c) Oleh kerana kajian mengenai kechichiran ini belum selesai, saya tidak dapat hendak memberi jawapan yang di-kehendaki itu pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoo: Ada-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bahawa masalah ini telah di-timbulkan oleh saya barangkali lima tahun yang lalu dan oleh sebab itu mengapa-kah Kerajaan Perikatan telah mengambil begitu panjang masa untuk mengkaji masalah ini yang paling penting kepada belia dan kepada negara kita?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah perkara ini tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan. Memang perkara ini telah pun mendapat tindakan dari masa ka-masa, tetapi memandangkan bahawa masalah kechichiran ini telah pun menjadi satu masalah nasional, satu masalah masyarakat yang besar, maka satu kajian telah pun di-adakan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menerangkan negeri mana-kah dalam Malaysia Barat ini peratus kechichiran yang paling tinggi sa-kali dan negeri mana-kah peratus kechichiran yang paling rendah sa-kali?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Itu sa-benarnya satu soalan yang lain dan sa-bagaimana jawapan saya tadi perkara ini maseh dalam kajian, maka tidak dapat saya menjawab.

KECHICHIRAN MURID² SEKOLAH

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) pendapat Jawatan-kuasa Penyasat yang di-bentok oleh beliau untuk menyiasat masalah kechichiran murid² sekolah;
- (b) garis kasar puncha kechichiran itu; dan
- (c) langkah² untuk mengatasi masalah tersebut, sama ada berupa jangka panjang atau jangka pendek.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ada-lah sama dengan soalan No. 13 tadi dan oleh kerana kita sedang mengkaji, maka tidak dapat-lah saya berikan apa² kenyataan dan pendapat² daripada kajian itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian mengaku bahawa terjadi-nya masalah kechichiran murid² ini dengan sebab kelemahan Dasar Pelajaran kita yang baharu. Dengan keadaan ini ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengkaji semula Dasar Pelajaran kita ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah salah satu pendapat daripada Ahli Yang Berhormat sendiri.

HAK PENDARATAN (LANDING RIGHTS) MALAYSIA-SINGAPURA

15. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada perkara Hak Pendaratan (Landing Rights) antara Malaysia dan Singapura telah di-selesaikan dan jika tidak mengapa.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, perkara Hak Terafik Udara antara Malaysia dan Singapura maseh dalam perengkat perundingan lagi.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Minister aware that it is no secret that, while this matter is under discussion, there has been a very serious disagreement between the Governments of Singapore and Malaysia over the question of landing rights? Is the Minister also aware that, far from trying to restrict landing rights in this country, we should, as a matter of policy, welcome more Airlines bringing in more passengers to this country, because then:

- (a) we get the Airport to earn more income; and
- (b) what is more important, we hope all these Airlines will bring in more tourists and therefore make the tourist industry one that is a real money-spinner?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, chadangan itu satu soal yang baharu, tetapi sa-bagai Menteri Perhubungan Malaysia, kita memang hendakkan banyak kapalterbang² ka-mari, tetapi ini bukan berma'ana kita merugikan kapalterbang nasional M.S.A. sendiri, sebab itu kita ada berhubung dan berunding kepada tiap² negara yang ada kapalterbang hendak datang ka-mari.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah terfikir oleh Kerajaan ia-itu untuk mem-banyakkan orang asing atau tourists datang ka-negeri kita ini, maka di-kehendaki landing rights itu di-beri oleh Kerajaan Malaysia bukan sahaja di-Kuala Lumpur tetapi di-tempat² lain?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara itu tidak timbul.

AKTA CHUKAI PENDAPATAN— PINDAAN

16. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kewangan sama ada beliau akan meminda Akta Chukai Pendapatan supaya membenarkan wang yang di-guna kerana langkah² menchegeh kekotoran boleh digantikan daripada keuntongan² dalam tempoh tiga tahun.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan² yang chukup telah pun terdapat dalam Akta Chukai Pendapatan, 1967, bagi perbelanjaan² yang di-keluarkan oleh sesuatu perdagangan kerana langkah menchegeh kekotoran di-ganti daripada keuntongan². Di-mana perbelanjaan² yang bersifat modal di-keluarkan seperti atas peruntukan alat atau perkakas menchegeh kekotoran, perbelanjaan² akan di-benarkan melalui susutan atau elaun modal dengan kadar² yang di-tentukan di-bawah Akta itu bagi alat atau perkakas tersebut. Perbelanjaan² yang bersifat hasil mithal-nya perbelanjaan² yang di-keluarkan bagi memelihara atau memperbaiki alat atau perkakas bolehlah di-ganti daripada keuntongan² dalam tahun mana mereka di-keluarkan.

Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi apa² jua sebab tentang chadangan-nya supaya perbelanjaan kerana langkah² menchegeh kekotoran, yang saya anggap perbelanjaan² bersifat modal, sa-harus-nya di-ganti daripada keuntongan² dalam tempoh 3 tahun. Perbelanjaan sa-rupa itu biasa-nya di-potong menurut kadar² yang di-tentukan dalam jangka masa harta itu boleh di-guna. Hanya hakikat bahawa alat atau perkakas itu akan di-guna kerana langkah² menchegeh kekotoran tidak boleh dengan sendiri-nya mempertahankan satu kadar yang tidak bersangkut paut dengan jangka masa harta itu boleh di-guna.

Belum terdapat kadar² khas yang di-tentukan bagi alat atau perkakas menchegeh kekotoran yang di-guna dalam mana² perusahaan jua, walau bagaimana pun, pada masa ini satu elaun tahunan sa-banyak 10% atau 20%, bergantung kepada jenis alat atau perkakas yang di-gunakan, di-beri apabila satu tuntutan bagi elaun modal di-terima oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi, di-mana Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berpendapat bahawa sa-suatu kadar

elaun itu ada-lah terlalu rendah berdasarkan kepada kegunaan alat atau perkakas itu diperuntukkan, beliau boleh menaikkan kadar elaun itu dengan sa-wajar-nya.

Kerajaan sentiasa sedar tentang keperluan dan kepentingan mengawal apa jua chorak kekotoran dan sentiasa bersedia mempertimbangkan penentuan kadar² elaun modal yang lebeh menarik bagi langkah² menchegeh kekotoran sa-bagai satu galakan kepada perusahaan untuk menolong mengawal kekotoran dalam negara kita ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa langkah² untuk menghapuskan kekotoran yang disebutkan oleh beliau tadi ia-lah memakan wang yang banyak dan oleh sebab itu jika Kerajaan atau Perbendaharaan tidak menolong majikan untuk membenakan dan mengambil langkah untuk menghapuskan kekotoran atau pollution, maka mereka tidak mahu mengambil langkah atau membeli perkakas² atau alat² baharu untuk menghapuskan kekotoran?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah sebutkan tadi, pehak Kerajaan memang sedar dan pehak Kerajaan memang memberikan kelonggaran bagi perusahaan² untuk membeli atau pun membelanjakan wang-nya untuk mengawal kekotoran dan pehak Kerajaan sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi sedia menimbangkan apa² langkah yang lain, jika di-fikirkan mustahak.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*) Sir, would the Honourable Minister consider allowing these industries to borrow from the banks—at the present moment it is 1:1—at 2:1? As you know most of these industries here are borrowing money, would the Minister consider increasing the borrowing power from 1:1 to 2:1?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa bersangkut dengan soalan ini?

Tuan Walter Loh Poh Khan: In order to allow the factories to have enough money to build machinery to aid anti-pollution.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tidak bersangkut dengan soalan ini Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri Kewangan menyatakan Kerajaan boleh memberikan 10% atau 20% untuk majikan mengambil langkah untuk menghapuskan kekotoran. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan, boleh-kah beliau menimbangkan chadangan saya supaya di-dalam tempoh dua atau tiga tahun mereka boleh offset keuntungan-nya dengan perbelanjaan untuk mengambil langkah menghapuskan kekotoran?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tadi sabagaimana saya telah sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ada kuasa menaikkan peratus-nya jika di-dapati peratus itu rendah berbanding dengan perbelanjaan yang besar. Kemudian tentang offset dalam tempoh 2 atau 3 tahun, pehak Kerajaan berpendapat Undang² yang ada pada masa ini ada-lah mencukupi untuk memberikan galakan kepada perusahaan² untuk membelanjakan wang-nya Kerajaan mengawal kekotoran dan jika sa-kira-nya ada provision yang di-dapati oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak cukup memberikan galakan maka sila-lah berikan shor supaya dapat di-timbangkan. Sebab sa-bagaimana yang saya katakan mula² tadi, Kerajaan sedia menimbangkan langkah² yang lebeh menggalakkan lagi jika di-dapati mustahak.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak membawa kepada perhatian Timbalan Menteri Kewangan, di-kawasan saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukan soalan Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: Soal-nya yang saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan di-kawasan saya ada 3 buah kilang papan dan bekas Menteri Kesihatan pun yang sa-tahu saya ada melawat kilang² tersebut. Mereka khuatir atau tidak mahu mengambil langkah untuk menghapuskan kekotoran di-sana oleh sebab perbelanjaan untuk langkah² menghapuskan kekotoran itu memakan perbelanjaan yang banyak dan kalau Kerajaan atau Pengarah Hasil Dalam Negeri hendak menggalakkan perusahaan² atau majikan² untuk mengambil langkah² menghapuskan kekotoran maka Timbalan Menteri Kewangan boleh mengumumkan bahawa Kerajaan bersimpati dengan langkah² dan perbelanjaan yang boleh di-offset dengan keuntungan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini-lah yang saya katakan tadi Kerajaan ada-lah bertimbang rasa dan menggalakkan. Dan soalan 3 kilang di-kawasan Ahli Yang Berhormat itu boleh jadi ketiga² kilang itu tidak tahu peruntukan yang ada di-dalam Undang² Chukai Pendapatan yang ada.

PEGAWAI² JABATAN PERIKANAN SARAWAK—KEKURANGAN

17. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau sedar akan kekurangan pegawai² di-Jabatan Perikanan, Sarawak untuk menyelaraskan projek² pembangunan di-dalam bidang perikanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Tanah (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Pegawai² di-Pejabat Perikanan Sarawak berkebolehan untuk menyelaraskan projek² pembangunan Jabatan itu. Walau bagaimana pun dengan perkembangan aktiviti² yang giat seperti Persatuan Nelayan, Penyelidikan dan Penyiasatan Perikanan, Pejabat itu akan mengambil dua orang pegawai perikanan lagi bagi menyelaraskan aktiviti² ini

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, benar-kah 3 buah Persatuan Nelayan akan di-tubuhkan di-negeri Sarawak pada tahun ini. Kalau benar bagaimana-kah perkara ini boleh di-jayakan sedangkan di-Jabatan Perikanan dan Laut di-Sarawak tidak ada mempunyai pegawai² yang terlatah di-dalam perkara ini?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu ada-lah dalam pertim-bangan Kementerian ini dan jika Persatuan² Nelayan itu di-tubuhkan kelak, maka tentu-lah pegawai² yang berkebolehan telah di-sediakan.

KERETAPI—KEMALANGAN DI-KELANTAN

18. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan kepada kemalangan keretapi di-Kelantan baharu² ini yang begitu dahshat yang belum pernah berlaku di-negara ini untuk mengelakkan kemalangan seperti itu dari berlaku di-masa² yang akan datang.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, terbit dari kemalangan keretapi di-Lemal, Pasir Mas, Kelantan, baharu² ini, maka langkah² pun telah di-ambil untuk mengkaji dengan teliti bagi mengetatkan lagi pada keseluruhannya kawalan² keselamatan di-lintasan² rata awam terbuka atau level crossing di-seluruh rangkaian keretapi. Bagi maksud ini Pentadbiran Keretapi sudah pun mula membuat hubungan dengan Kerajaan² Negeri terutama sa-kali negeri Kelantan di-mana ada-nya lintasan rata awam terbuka supaya dapat di-atorkan untuk mendapat langkah² kawalan keselamatan yang perlu dan saya sendiri telah melawat kawasan ini dan dapat kerjasama daripada pihak Polis sementara kita hendak mendirikan pintu² di-Pasir Mas dua tiga lagi, pihak Polis telah bekerjasama supaya mengawal bila² waktu apabila keretapi lalu dan ini akan menyenangkan budak² yang lalu lalang di-situ.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar bahawa keretapi yang berlanggar ini bukan-nya keretapi penumpang, tetapi keretapi yang membayar gaji pegawai² keretapi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Keretapi yang berkenaan dengan kemalangan ini ia-lah keretapi yang membawa barang². Yang luka² ini ia-lah orang² yang menaiki bas. Saya harap Ahli Yang Berhormat bacha-lah dalam surat khabar (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Bukan sahaja membacha, saya juga melawat di-tempat kemalangan itu; bukan sahaja Yang Berhormat Menteri itu melawat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tidak-kah Pejabat yang bertanggung-jawab atau Kementerian yang bertanggung-jawab tahu ia-itu sa-lama hari ini, sa-lepas merdeka, lima belas tahun lama-nya gate itu tidak ada. Tahu atau tidak tahu gate keretapi lalu lintas tidak ada?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bukan saya sahaja sa-bagai Menteri Perhubungan tahu, semua orang pun tahu kenderaan lalu di-situ. Yang susah-nya tempat yang terjadi kemalangan ini mengikut atoran peratoran atau perjanjian, kalau tidak salah tahun 1907 atau 1909, yang mana Kerajaan Negeri Kelantan boleh membebas-

kan pehak keretapi daripada menaruh gate tempat yang di-fikirkan pada waktu yang lampau tidak begitu merbahaya. Ini telah pun di-luluskan dalam Majlis Kerajaan Negeri Kelantan pada tempoh yang lampau, tetapi oleh kerana kejadian ini barangkali ada sa-tengah orang sudah ada sign itu berhenti, tengok kiri kanan. Kalau tidak ada, lalu. Dia tidak, main terus. Kalau saya kata "stop" atau pun "mati", itu senang sedikit (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi jika saya tidak salah Menteri yang berkenaan mengatakan penumpang² bas ia-lah anak² anggota PAS. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apa-kah perbezaan-nya, ma'ana kapada Menteri itu kalau

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, tanya sahaja pertanyaan itu dahulu (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya apa-kah perbezaan-nya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya dengar Menteri kata yang mati itu ia-lah orang dalam bas, bukan anak PAS (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan bahawa yang berlanggar itu ia-lah keretapi yang membawa barang². Ada-kah keretapi yang membawa barang² ini berjalan mengikut masa atau pun jadual yang di-tentukan atau pun keretapi yang membawa barang² ini berjalan di-luar daripada masa yang telah di-tentukan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada kematian dan kemalangan, pehak Mahkamah telah mengadakan penyiasatan—inquiry. Oleh kerana inquiry belum di-adakan, saya tidak boleh-lah memberikan kenyataan. Tunggu-lah, bersabar-lah! (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 19 hingga 55 ada-lah di-beri di-bawah ini).

PINTU LINTASAN KERETAPI

19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) siapa-kah yang bertanggung-jawab memasang pintu² di-setiap lintasan keretapi; dan
- (b) mengapa-kah pintu lintasan keretapi tidak di-pasang di-tempat berlaku-nya kemalangan itu baru² ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Pada dasar-nya Pertadbiran Keretapi ada-lah di-kehendaki untuk mengadakan pintu landasan keretapi di-mana landasan keretapi merintang jalan raya, kechuali jika Pertadbiran Keretapi di-bebaskan dari kehendak itu oleh kuasa (authority) yang berkenaan melalui suatu pengishtihsaran yang menyatakan bahawa kehendak itu tidak terkena pada mana² lintasan yang tersebut dalam pengishtihsaran itu.
- (b) Kerajaan Negeri Kelantan telah mengishtihsarkan pada tahun 1947 bahawa kehendak pintu keretapi tidak terkena (not applicable) di-Lemal di-mana berlaku-nya kemalangan itu.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— MENINGGIKAN TARAF KA-KOLEJ UNIVERSITI

20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad meminta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kerajaan berura² untuk meninggikan taraf Institiut Teknologi Mara kapada taraf Kolej Universiti. Jika ia, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Sa-tengah daripada kursus² yang di-jalankan oleh I.T.M., pada masa ini sudah pun mencapai taraf kursus² Universiti dari segi sukatan mata pelajaran, dan mereka sedang juga mempunyai kursus² yang di-nilai tinggi oleh majikan².

Oleh itu, menaikkan taraf I.T.M. kapada sa-buah Universiti ada-lah bergantung kapada keadaan dan masa.

(Dengan izin) Some of the courses at the MIT are already of a degree level, and they are also conducting professional courses which have a high market value.

Raising the status of the MIT to that of University will depend on the time and situation.

AKTA PERHUBONGAN PER- USAHAAN—ANGGAPAN TENTANG SEKSHEN KECHIL 12 (4)

21. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada benar bahawa:

- (a) ramai majikan² telah salah faham dengan perkataan² “tanpa berlengah² yang tidak pada tempat-nya” di-dalam Sekshen-kechil 12 (4) Akta Perhubungan Perusahaan yang bermaksud mewajibkan majikan² memulakan perundingan² dengan Kesatuan² Sekerja di-dalam masa antara dua hingga empat bulan; dan
- (b) pengalaman² di-masa yang lalu telah membuktikan bahawa perkataan² itu tidak membawa erti yang jelas, dan jika demikian, sama ada beliau akan meminda perkataan² itu supaya bermaksud “dalam tempoh yang berhad ia-itu 6 bulan”.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah terkeliru mengenai bilangan sekshen itu. Saya rasa apa yang di-rujukkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah Sekshen 12 (5) dan jika anggapan saya ini betul, biar-lah beliau mengesahkan-nya, supaya saya dapat memberi jawapan yang sa-wajar-nya. Jawapan saya ia-lah bahawa tanpa berlengah² yang tidak pada tempat-nya bererti tepat dengan perkataan itu ia-itu kedua pehak mesti memulakan perundingan bersama sa-beberapa awal yang boleh.

(Dengan izin) In this case the Hon'ble Member himself has confused himself on the number of the section. I guess what the Hon'ble Member is referring to is Section 12 (5) and if my assumption is correct, let him confirm so, so that I could give him a proper reply. My reply would be that without undue delay mean exactly what the words say, i.e. the parties must commence collective bargaining as early as possible.

KES² PEMBERHENTIAN KERJA YANG DI-RUJOKKAN KAPADA MAHKAMAH PERUSAHAAN

22. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan mengapa kes² pemberhentian kerja yang telah di-rujokkan oleh beliau kepada Mahkamah Perusahaan tetap berakhir dengan pekerja² itu kehilangan kerja-nya walau pun Mahkamah memutuskan bahawa pembuangan itu tidak adil.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-bagai mana Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui, Mahkamah Perusahaan mengandongi President, di-bantu oleh wakil² pekerja² dan majikan dan orang² yang bebas.

Ada-lah tidak benar untuk mengatakan di-mana Mahkamah menganggap bahawa penamatan perkhidmatan ada-lah tidak adil, pekerja yang berkenaan hilang pekerjaan dalam semua kes. Ada di-antara mereka di-kembalikan pada pekerjaan tapi tiap² satu kes telah di-layan mengikut keadaan-nya yang tersendiri. Dalam kes² di-mana Mahkamah memberikan pampasan di-dapati ada-lah tidak praktik dan tidak adil untuk mengembalikan pekerja kepada pekerjaan-nya kerana sebab² berikut:

- (a) apabila, di-rujokkan pada kelakuan pekerja yang telah lalu, keadaan di-mana ia di-berhentikan kerja dan sikap-nya terhadap pihak pengurusan, pengembalian kepada pekerjaan tidak begitu kondusif untuk mengadakan hubungan yang baik antara pekerja-majikan di-dalam perjawatan itu. Dalam keadaan² seperti ini Mahkamah memberikan pampasan dan tidak mengembalikan pekerja pada kerja-nya; dan
- (b) di-mana jawatan yang di-pegang oleh pekerja yang di-buang kerja tidak di-kehendaki lagi kerana penyusunan kembali perniagaan.

(Dengan izin) As the Hon'ble Member is fully aware, the Industrial Court that hands down Awards consist of the President, assisted by the representative of workers and employers and independent persons.

It is not true to say that where the Court considered the termination of service it was unfair and the workers concerned lost their jobs in all cases. Some were reinstated but

each case had to be treated on its own merits. In cases where the Court awarded compensation it was found impracticable or inexpedient to reinstate the workers for the following reasons:

- (a) when, having regard to the past conduct of the worker concerned, the circumstances under which he was dismissed and his general attitude towards the management, his reinstatement would not have been conducive to the maintenance of good employer-employee relationship in the establishment. In all such cases, the Court had awarded compensation in lieu of reinstatement; and
- (b) where the post formerly held by the dismissed worker had become redundant on account of reorganisation of the business.

MENYEMAK SA-MULA SHARAT² PINJAMAN² MARA UNTUK BUMIPUTRA DI-SARAWAK

23. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk menyemak sa-mula syarat² tertentu bagi pinjaman² MARA kepada bumiputra² di-Sarawak supaya mereka boleh mendapatkan pinjaman dengan tidak payah chagaran geran² tanah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: MARA boleh menimbangkan permohonan² daripada bumiputra di-Sarawak, jika mereka tiada tanah untuk chagaran tetapi mereka hendak-lah menyediakan 2 orang penjamin yang sesuai. Ranchangusaha ini hendak-lah "viable" (berjalan dengan sempurna dan ada kemungkinan menchapai kemajuan dan kejayaan serta membawa keuntungan dan kurang risiko).

Jika Ranchangusaha itu ada risiko chagaran tanah ada-lah di-kehendaki.

MARA sekarang telah pun di-iktiraf sebagai Bumiputra (Native) oleh Kerajaan Sarawak bagi tujuan chagaran tanah.

(Dengan izin) MARA can consider loan applications from Sarawak natives without land security provided the applicant concerned can provide 2 sureties to stand as guarantors on the loan. The project to be assisted must be viable and the element of risk must be to

the minimum. If MARA feels that the project is risky, land security must be provided. For information MARA has been regarded as "native" by the State Government of Sarawak for the purpose of charging land.

BAYARAN TAMBANG UNTUK PENUNTUT² SARAWAK DI-MALAYSIA BARAT

24. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan penuntut² Sarawak, yang sedang belajar dengan biasiswa Kerajaan di-Malaysia Barat, terutama mereka dari Instituti Teknologi Mara, pulang sa-tahun sa-kali ka-Sarawak pada masa chuti dengan tambang yang di-bayar oleh Kerajaan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dukachita Kerajaan tidak dapat menimbangkan kerana ia-nya akan memakan belanja yang besar. Kemudahan ini, jika di-berikan kepada sagulungan penuntut, mesti-lah juga di-beri kepada penuntut² lain, termasuk mereka yang belajar di-luar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom, penuntut² yang menerima biasiswa Kerajaan ada-lah banyak dan terdapat di-beberapa Negara di-luar negeri seperti Indonesia, India, Australia, United Kingdom dan Jepun.

CHONTOH RUMAH PANJANG DI-MUZIUM NEGARA

25. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan sa-buah contoh rumah panjang di-Muzium Negara, Kuala Lumpur supaya orang² Malaysia Barat yang tidak mampu melawat Sarawak dapat mengetahui lebih jelas lagi tentang penghidupan di-rumah panjang.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Jabatan Muzium pada masa ini sedang bekerja di-atas satu projek untuk mengadakan satu kawasan Muzium Rumah² Traditional. Kementerian ini sekarang di-dalam proses untuk mendapatkan satu tapak tanah berdekatan dengan Muzium Negara untuk tujuan di-atas. Di-tanah ini-lah akan di-bena Muzium yang merupai satu pameran terbuka mengandongi rumah² traditional daripada tiap² negeri. Dengan ini mereka akan menun-

jukkan bentok² rumah yang berlainan di-dalam teknik pembenaan dan perabot. Hasil² kebudayaan tiap² daerah dari mana rumah itu datang juga akan di-pamirkan dan ini akan menunjukkan peralehan² tradisi dan sejarah. Untuk scholar² dan penuntut², ini akan merupakan satu perbandingan hasil² kebudayaan, dan pada orang biasa dan pelanchong, ini akan merupakan satu suasana Malaysia—yang traditional sechara kecil.

Satu istana traditional telah pun di-perolehi daripada Trengganu untuk Muzium Ra'ayat ini. Apabila bidang tanah di-belakang Muzium telah di-dapati, istana ini akan di-rombak dan di-bawa dari Trengganu dan di-bena semula di-sini. Istana ini akan menjadi Muzium Ra'ayat mewakili negeri Trengganu. Sa-buah taman kecil akan di-dirikan di-sekeliling istana itu.

Pihak Muzium berhajat mendapatkan rumah panjang yang asli dan tidak satu rumah yang kecil (maniatue). Mungkin Ahli² Yang Berhormat dapat menolong pihak Muzium mendapatkan rumah panjang yang baik.

MEWAJIBKAN PELAJARAN RENDAH DI-SARAWAK

26. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan pelajaran rendah terutama sa-kali di-Negeri² yang kurang maju di-Malaysia seperti Sarawak, supaya dapat mengeluarkan keturunan² Malaysia yang berpelajaran dan bijaksana pada masa akan datang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sunggoh pun elok jika pelajaran rendah di-wajibkan tetapi pelaksanaan sa-penoh-nya ada-lah sukar, terutama dari segi menguatkuasakannya. Lagi pula peratus kanak² yang masuk ka-sekolah pada tiap² tahun ia-lah lebih daripada 90% dan kadar ini ada-lah memuaskan dalam keadaan sekarang. Memandang kepada kedudukan ini, ada-lah di-rasakan bahawa pelajaran rendah belum perlu di-wajibkan di-negara kita ini.

KESANGGUPAN KERAJAAN PERANCHIS MELATEH TENTERA, MALAYSIA

27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan Peranchis akan

melateh tentera² kita dalam beberapa lapangan terutama-nya dalam bidang penerbangan.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): Tidak benar.

RANCHANGAN PENANAMAN BAWANG—MENGALAKKAN

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai ranchangan untuk menggalakkan tanaman bawang di-negeri ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Di-bawah Ranchangan bantuan tanaman pertanian dalam Bahagian Pertanian bantuan ada-lah di-beri kepada semua tanaman yang berchorak ekonomi. Bawang boleh di-tanam di-negeri ini tetapi hasil-nya ada-lah terlalu kecil dan tidak menguntungkan. Dalam pada itu, perhubungan sedang dijalankan untuk mendapatkan jenis yang mengeluarkan hasil yang tinggi mutu-nya untuk di-tanam chara besar² di-Malaysia. Apabila jenis ini telah di-dapati, petani² akan di-galakkan menanam bawang di-bawah ranchangan bantuan tanaman pertanian.

MENCHANTUMKAN SEKOLAH² TAMIL YANG KECHIL DI-SEBERANG PERAI SELATAN

29. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menerangkan apa-kah kemajuan yang telah tercapai berkenaan sekolah² kechil yang patut di-kumpulkan. Ada-kah apa² tindakan yang telah di-ambil untuk mengumpulkan sekolah² Tamil yang kechil² di-Seberang Perai Selatan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sungguh pun menjadi tujuan Kementerian Pelajaran untuk menchantumkan sekolah² kechil, tetapi kemajuan yang telah tercapai satakat ini tidak-lah sa-banyak yang di-harapkan kerana sa-belum perchantuman di-jalankan, pendapat² pehak² yang berkenaan termasuk ibu-bapa dan ahli² Jema'ah Pengurus/Pengelola sekolah² perlu di-perolehi.

Berkenaan dengan sekolah² Tamil yang kechil di-Seberang Perai Selatan, 2 perchantuman telah di-sempurnakan seperti berikut:

- (i) Dalam tahun 1963, 2 buah sekolah, ia-itu, Sekolah Tamil Sungai Kechil Estate dan Sekolah Tamil Kerian Estate telah

di-chantumkan menjadi Sekolah Tamil Kerian Estate.

- (ii) Pada tahun 1968, 2 buah sekolah, ia-itu Sekolah Tamil St. Antony dan Sekolah Tamil Ladang Caledonia telah di-chantumkan menjadi Sekolah Tamil, Nibong Tebal.

Pada tahun 1968, usaha untuk menchantumkan 2 buah sekolah, ia-itu, Sekolah Tamil Changkat dan Sekolah Tamil Ladang Byram telah mendapat tentangan daripada ibu-bapa dan dengan itu belum dapat di-sempurnakan.

KONTREK UNTUK BEKALAN BUKU² TEKS

30. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar sa-tengah² sekolah memberi kontrek untuk bekalan buku² teks dan alatan² yang lain dengan mendapat sedikit bayaran dan jika beliau sedar ada-kah beliau akan mengambil langkah merentikan hal ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Memberi kontrek untuk bekalan buku² teks dan alatan² yang lain bagi sa-sabua sekolah itu ia-lah perkara biasa.

Dalam peratoran begini ada-lah lazim bagi sekolah itu menerima bayaran daripada kontrekter tersebut mengikut quotation masing². Bayaran ini di-masokkan ka-dalam fund sekolah.

LAPORAN MENGENAI MATA-PELAJARAN BAHASA MALAYSIA

31. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan memberi jaminan supaya pehak Lembaga Peperiksaan menghantarkan laporan ka-sekolah² berkenaan perlaksanaan pelajar² yang mengambil Bahasa Malaysia sa-bagaimana yang di-buat oleh Cambridge dalam mata² pelajaran yang lain untuk panduan guru² dan untuk meninggikan mutu Bahasa Malaysia di-sekolah².

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saperti mana mata²-pelajaran lain, tugas menyediakan laporan mengenai mata-pelajaran Bahasa Malaysia ada-lah tanggungan Lembaga Peperiksaan Cambridge dan bukan-nya Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran. Lembaga Peperiksaan Cambridge akan di-minta menyediakan laporan tersebut.

PEMEREKSAAN² MENGEJUT DI-PERHENTIAN² TEKSI

32. Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) mengapa-kah pemeriksaan² mengejut hanya di-buat di-perhentian² Teksi sahaja dan tidak di-tempat² lain;
- (b) mengapa-kah Menteri sendiri terpaksa membuat pemeriksaan² mengejut itu dan tidak melantek pegawai² lain; dan
- (c) sama ada bilangan pegawai² tersebut sekarang ini mencukupi, dan jika tidak, sama ada beliau akan menimbang mengambil pegawai² tambahan untuk kerja itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Pegawai² Jabatan Pengangkutan Jalan mengadakan pemeriksaan² mengejut kepada semua perhentian² kenderaan perkhidmatan penumpang dan perdagangan jika ada aduan² daripada orang ramai terhadap perkhidmatan pengangkutan di-kawasan itu. Ada-lah tidak benar bahawa pemeriksaan² mengejut hanya di-jalankan di-perhentian² teksi dan kereta sewa sahaja.
- (b) Saya bersama² pegawai² Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan ada juga melawat perhentian² kenderaan perkhidmatan penumpang dan perdagangan dengan tujuan untuk memastikan bahawa perkhidmatan tersebut dapat memberi kemudahan yang sa-penoh-nya kepada orang ramai.
- (c) Pegawai² Penguatkuasa di-Jabatan Pengangkutan Jalan pada masa sekarang ada-lah maseh belum sa-imbang dengan kehendak² kerja menguatkuasakan Undang² Lalu Lintas Jalan, 1958. Jabatan tersebut ada-lah sentiasa berusaha untuk menambah bilangan pegawai² penguatkuasa-nya.

PEMEREKSAAN MENGEJUT DI-PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMEREKSA KERETA² MOTOR

33. Dr Haji Sulaiman bin Mohd. Attas minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan menimbang membuat pemeriksa² mengejut bukan sahaja di-perhentian²

teksi tetapi juga membuat pemeriksa² mengejut di-Pejabat² Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor di-tiap² Negeri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya memang ada membuat pemeriksa² mengejut di-Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor tiap² negeri jika di-fikirkan perlu.

TANAMAN MODAL SEKTOR PERSENDIRIAN

34. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah di-tanam modalkan oleh Sektor Persendirian dalam tahun 1971—tahun pertama Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Jumlah wang yang telah di-tanam modalkan oleh Sektor Persendirian dalam perusahaan yang di-beri taraf perintis dalam tahun 1971 ia-lah \$101.9 juta.

LKTP—MEMPROSES PERMOHONAN

35. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bila-kah LKTP akan melayani sa-mula 25,000 permohonan untuk mengambil bahagian di-dalam rancangan LKTP yang telah di-bekukan;
- (b) berapa lama-kah masa yang akan di-ambil untuk memperoseskan 25,000 permohonan ini; dan
- (c) dari jumlah tersebut, berapa banyak-kah yang akan di-luluskan dan di-terima oleh LKTP.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Lembaga sedang mengambil tindakan untuk memperoses kesemua 25,000 permohonan² yang telah di-terima. Lembaga hanya tidak melayani peserta² baru untuk sementara waktu sa-hingga siap kerja² memperoses permohonan yang telah di-terima itu.
- (b) 25,000 permohonan² itu di-jangka akan dapat di-proses dan pilehan di-buat dalam tempoh 2 tahun.
- (c) Sa-hingga semua permohonan itu di-peroses, Lembaga tidak dapat mem-pastikan berapa-kah daripada 25,000 itu dapat di-terima oleh LKTP.

(Dengan izin):

- (a) FLDA is taking positive action to process all the 25,000 applications which have been received. Only new applications are frozen temporarily until work to process the 25,000 applications are completed.
- (b) The 25,000 applications are expected to be processed and the successful applicants known in about 2 years time.
- (c) Until all the 25,000 applications are processed, FLDA is not able to determine how many of the 25,000 can be approved and accepted.

PENUBOHAN SUROHANJAYA SARA HIDUP UNTUK MENYIAPKAN ANGKA-TUNJUK SARA HIDUP

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada "Surohanjaya Sara Hidup" telah menyiapkan "cost of living index" untuk tiga tahun yang lepas, dan juga beri butir² harga barang² yang berikut untuk tahun 1969, 1970, 1971, 1972:

- (i) Beras
- (ii) Gula
- (iii) Tepong
- (iv) Susu Tepong
- (v) Ikan Bilis

- (vi) Daging Babi
- (vii) Daging Lembu
- (viii) Ternakan².

Tun Tan Siew Sin: Saya suka menyatakan di-sini bahawa sekarang belum ada lagi "Surohanjaya Sara Hidup" tetapi Kementerian ini sedang mengkaji untuk menubuhkan "Surohanjaya Harga Barang" untuk menggantikan Jawatankuasa Mengenai Harga Barang² Keperluan yang di-tubuhkan mengikut kuat-kuasa Seksi 3 (4) di-bawah undang² Ordinan Kawalan Harga 1946.

Berkenaan dengan harga barang² keperluan saya suka-lah dengan izin tuan Yang Di-Pertua untuk memberi jawapan bertulis kerana jawapan-nya panjang dan memakan masa.

Ada-lah di-ma'alomkan bahawa index harga runchit sekarang dengan asas 100 bagi tahun 1959, memerlukan pindaan kerana ia mengalami keberatan² sa-lama 13 tahun. Untuk keperluan² segera bagi pembentokan ranchangan dan dasar, satu index sementara telah di-susun dengan tahun 1967 sa-bagai asas dengan penggunaan keberatan² pilihan lain. Ranchangan sedang di-buat untuk melaksanakan satu kajian belanjawan keluarga dalam tahun ini dan mengikut asas ini indisis baru akan di-susun.

2. Maalumat mengenai harga² dan index sementara bagi barang² tersebut ada-lah saperti di-Appendix I dan II.

HARGA PURATA RUNCHIT DI-MALAYSIA BARAT

				<i>Tahun</i> <i>Unit</i>	1969	1970	1971	1972*
BERAS—					\$ c.	\$ c.	\$ c.	\$ c.
Siam—5%hanchor	..	..	..	1 Kati	42	38	36	37
Siam A1 Istimewa	..	..	..	”	32	29	30	31
Siam perboiled	..	..	..	”	37	34	34	34
Burma Sughand 1	..	..	..	”	31	28	30	34
Kedah No. 2	..	..	..	”	30	29	28	28
Kedah No. 3	..	..	..	”	28	27	26	27
Gula bertapis	..	..	..	1 Kati	34	36	40	41
Tepong Gandum	..	..	..	1 Kati	26	26	26	26
Tepong Ubi	..	..	..	1 Kati	23	22	23	25
SUSU TEPONG—								
Lactogen..	..	..	..	2½ lb	5 24	5 23	5 36	5 70
Cow Lac..	..	..	..	3 lb	4 91	4 89	4 91	5 04
IKAN BILIS—								
Jenis terbaik	..	..	..	1 Kati	1 13	1 25	1 43	1 77
Jenis kurang baik	..	..	..	”	75	81	94	1 13
Daging Babi	..	..	..	1 Kati	1 46	1 49	1 53	1 54
Daging Lemak	..	..	..	1 Kati	73	73	76	77
Panggang (Peha)	..	..	..	1 Kati	2 80	2 73	2 78	2 79
Daging	..	..	..	1 Kati	2 07	2 13	2 16	2 19
Ayam Kampong	..	..	..	1 Kati	1 52	1 52	1 51	1 65
Itek	..	..	..	1 Kati	1 14	1 15	1 13	1 19

* Harga purata runchit bagi bulan Januari dan Februari.

INDEX HARGA SEMENTARA BAGI MALAYSIA BARAT

(Di-asaskan 1967—100)

1967	...	100.0
1968	...	101.5
1969	...	101.9
1970	...	104.0
1971	...	105.5

(Dengan izin) I wish to clarify that at the moment there is no Cost of Living Commission but the Ministry is considering the possibility of establishing a Price Commission to replace the present Advisory Committee on the Prices of Essential Commodities which is established under Section 3 (4) of the Price Control Ordinance, 1946.

With regard to the prices of various food items from 1969 to 1972 may I, Mr Speaker, Sir, be allowed to give a written reply because it is too long and time consuming?

It is appreciated that the present retail price index with a base of 100 for 1959, needs revision as it suffers from the weights being 13 years old. For the immediate needs of planning and policy formulation, an interim index has been compiled with 1967 as the base using alternative weights. Plans are being formulated to carry out the new household budget survey later this year and on the basis of this, new indices will be compiled.

2. The prices of the various consumer items and the interim index are given in Appendix 1 and Appendix 2 respectively.

ANNUAL AVERAGE OF RETAIL PRICES COLLECTED FROM VARIOUS CENTRES IN WEST MALAYSIA

	Unit	Year	1969	1970	1971	1972*
RICE—			\$ c.	\$ c.	\$ c.	\$ c.
Siam white—5% broken	1 Kati		42	38	36	37
Siam broken A1 Special	"		32	29	30	31
Siam parboiled	"		37	34	34	34
Burma Sughand 1	"		31	28	30	34
Local Kedah No. 2	"		30	29	28	28
Local Kedah No. 3	"		28	27	26	27
Sugar white	1 Kati		34	36	40	41
FLOUR—						
Wheat	1 Kati		26	26	26	26
Tapioca	"		23	22	25	25
POWDERED MILK—						
Lactogen	2½ lb		5 24	5 23	5 36	5 70
Cow Lac.. ..	3 lb		4 91	4 89	4 91	5 04
IKAN BILIS—						
Best quality	1 Kati		1 13	1 25	1 43	1 77
Worst quality	"		75	81	94	1 13
PORK—						
Lean and Fat	1 Kati		1 46	1 49	1 53	1 54
Fat alone	"		73	73	76	77
Roasted (hind legs part)	"		2 80	2 73	2 78	2 79
Beef	1 Kati		2 07	2 13	1 16	2 19
POULTRY—						
Hen—Kampong	1 Kati		1 52	1 52	1 51	1 65
Old duck.. ..	"		1 14	1 15	1 13	1 19

* The average retail sale prices for January and February.

INTERIM RETAIL PRICE INDEX WEST MALAYSIA

(Base 1967—100)

1967	...	100.0
1968	...	101.5
1969	...	101.9
1970	...	104.0
1971	...	105.5

KESAN CHUKAI JUALAN TERHADAP PERBELANJAAN PENGGUNA²

37. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada chukai jualan 5% telah melibatkan perbelanjaan pengguna² am-nya dan khas-nya terhadap kain-baju, kasut, perabut, barang² elektrik dan kenderaan.

Tun Tan Siew Sin: Barang² keperluan yang menjadi sa-bahagian besar daripada index perbelanjaan sara hidup ada-lah di-kechualikan daripada chukai jualan itu yang hanya di-kenakan ka-atas barang² penggunaan yang tahan lama. Oleh kerana kadar chukai jualan itu ada-lah kechil sahaja (marginal) maka harga barang² yang terkena chukai jualan tidak-lah naik sama dengan chukai jualan tersebut di-sebabkan chukai² tersebut sama ada semua sekali atau sebahagian daripada-nya ada-lah di-pikul oleh pengeluar² (producers), terutama sekali barang² yang hebat pertandingan-nya (competition). Oleh yang demikian, harga barang² tersebut tidak-lah naik dengan sa-penoh-nya dan bebanan chukai jualan ka-atas pengguna² ada-lah ringan.

(Dengan izin) Essential consumer items which form a high proportion of the cost of living index are exempted from the Sales Tax which applies only to durable consumer items. Since the rate of the Sales Tax is almost marginal, the prices of many of the products which are subject to the Sales Tax have not increased to the same extent because they are partially or wholly absorbed by the producers especially those which are subject to intense competition. Therefore, the incidence of the Sales Tax on consumers is low.

KILANG GULA—JUMLAH

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah kilang² gula di-negara ini, jumlah keuntongan yang di-perolehi oleh kilang² ini sa-tahun dan peratus keuntongan berbanding dengan saham modal.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah kilang² penapis gula di-negeri ini ia-lah 2 buah. Ma'aluman lain yang di-pinta oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh di-dapati daripada Pejabat Pendaftaran Sharikat.

(Dengan izin) Presently, there are 2 sugar refineries in the country. The other information asked for by the Honourable Member can be obtained from Companies Registry.

LANGKAH² UNTUK MENGUJUDKAN PERHUBONGAN PERUSAHAAN

39. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan langkah² yang sedang di-ambil oleh Kementerian-nya memandangkan terdapat kegelisahan yang berterusan di-kalangan pekerja², untuk mengujudkan perhubungan industrial yang baik dan menchapai keamanan industrial dengan keadilan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Majlis Penasehat Buroh Bersama Kebangsaan telah di-tubuhkan kembali dan boleh menasihati Kementerian mengenai chara² untuk menggalakan hubungan perusahaan yang baik dan untuk menchapai keamanan perusahaan dengan adil. Majlis ini akan bersidang pada 29-5-72. Memang benar terdapat jumlah tunjok perasaan yang besar yang di-gunakan oleh pekerja² sa-bagai taktik untuk mendesak majikan mereka dan untuk menarek perhatian orang ramai. Kesedaran pehak buroh mengenai kebebasan telah menyebabkan tunjok perasaan, yang tidak di-ingini kerana ini akan memburokkan hubungan pekerja-majikan dan memberikan imej yang salah mengenai kegelisahan yang bertambah sedangkan sa-benar-nya itu merupakan taktik² kesatuan sekerja sahaja.

(Dengan izin) The National Joint Labour Advisory Council has now been re-established and it is able to advise the Ministry on ways to promote sound industrial relations and to achieve industrial peace with justice. It will next meet on 29-5-72. It is true that there is a greater number of demonstrations lately

which the workers now employ as a tactic to pressurise their employers and to attract public attention. The awareness of labour of their freedom has led to these demonstrations which are, of course, undesirable as they sour employer-employee relationship and give a false image of growing restlessness while in truth they are merely pressure tactics of trade unions.

MURID² YANG GAGAL DI-DALAM KERTAS BAHASA MALAYSIA, PEPEREKSAAN M.C.E.—JUMLAH

40. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah calon² yang telah mengambil peperiksaan M.C.E. pada tahun 1971 tetapi gagal mendapat sijil kerana tidak lulus kertas Bahasa Malaysia; beri angka² yang berasingan untuk tiap² Negeri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Jumlah-nya ialah 6,578.

Pecahan menurut negeri ada-lah seperti berikut:

Selangor	...	...	...	1,464
Negeri Sembilan	...	...	...	344
Melaka	...	...	...	309
Johor	...	...	...	839
Pahang	...	...	...	298
Trengganu	...	...	...	62
Kelantan	...	...	...	90
Perlis	...	...	...	23
Kedah	...	...	...	495
Pulau Pinang	...	...	...	1,049
Perak	...	...	...	1,605
Jumlah	...	...	...	6,578

KELINIK² BERGERAK DI-NEGERI JOHOR—JUMLAH UNTUK SEKOLAH² LUAR BANDAR

41. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengenai Negeri Johor, bilangan klinik² gigi bergerak yang melawat sekolah² di-kawasan² luar bandar dan di-mana klinik² ini di-tempatkan.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Di-Negeri Johor ada sebanyak 2 buah Klinik² Bergerak yang di-tempatkan di-Johor Bahru dan di-Batu Pahat untuk melawat ka-sekolah² di-luar bandar.

KAJIAN TERHADAP KESIHATAN DAN PERGIGIAN MURID² SEKOLAH TAMIL

42. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian-nya akan menjalankan suatu kajian kesihatan dan pergigian ka-atas murid² sekolah Tamil.

Tuan Lee Siok Yew: Peperiksaan perubatan dan pergigian telah di-jalankan ka-atas murid² di-Sekolah² Tamil.

Dalam tahun 1971, 360 sekolah Tamil di-Malaysia Barat telah di-lawati oleh Pasukan Kesihatan Sekolah dan 12,893 murid² Sekolah Tamil telah di-periksa dan di-beri rawatan di-mana perlu.

Dalam perkara rawatan gigi pula, dalam tahun 1971, 122 Sekolah Tamil telah di-lawat dan 10,074 murid² telah di-periksa dan di-beri rawatan yang perlu.

Di-samping itu, satu kajian khas di-atas kedudukan penyakit² gigi "Dental Epidemiological Survey" dengan chara "Random Sampling" telah juga di-perbuat di-dalam 4 buah Sekolah Tamil meliputi 1,585 orang murid² (Sekolah Tamil).

PEKERJA² LADANG—KEENGANAN MAJIKAN MENERIMA MEREKA KEMBALI

43. Dr A. Soorian minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kementerian-nya sedar yang pekerja² ladang yang telah di-hantar ka-Malaysia Timor oleh Kementerian-nya telah tidak di-terima bekerja kembali di-ladang² di-mana mereka bekerja dahulu, apabila mereka kembali ka-Malaysia Barat.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kebanyakan dari pekerja² yang di-hantar ka-Sabah di-bawah Sekim Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia ia-lah pekerja² yang berlebehan, dari ladang² di-Malaysia Barat dan oleh yang demikian, semua pekerja² ini sedar bahawa sekira-nya mereka di-pileh untuk kembali apabila tamat perjanjian tugas mereka di-Sabah, mereka tidak akan di-jangka bekerja semula di-ladang² yang telah mereka tinggalkan.

Walau bagaimana pun, jika pekerja² ini mendaftarkan diri mereka untuk pekerjaan di-Pejabat² Pekerjaan sa-telah kembali

kelak, mereka akan di-bantu untuk ditempatkan dalam pekerjaan apabila kekosongan² yang sesuai dengan kelulusan dan pengalaman mereka di-beritahu ka-Pejabat Pekerjaan.

(Dengan izin) Most of the workers sent to Sabah under the Malaysian Migration Fund Board Scheme were redundant workers from estates in West Malaysia and therefore they were all well aware that should they elect to return here on completion of their tour of duty in Sabah and they could not expect to be re-employed on the estates which they left.

However, if these workers register for employment at an Employment Office following their return they will be assisted to be placed in employment as and when vacancies suitable to their qualifications and experience are notified to the Employment Office.

PERUNTOKAN RUMAH² BAGI GURU² DI-LADANG GETAH

44. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa banyak guru² sekolah² di-ladang² getah tidak di-beri kemudahan perumahan.
- (b) sama ada rumah² untuk guru ada-lah tanggong-jawab ladang² getah atau pun tanggong-jawab Kementerian Pelajaran.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Ya, saya sedar.
- (b) Peruntukan rumah² bagi guru² di-ladang getah bukan-lah tanggong-jawab Kerajaan.

MAS—KEGIATAN² DAN PERKEMBANGAN²

45. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bila-kah MAS akan memulakan penerbangan-nya;
- (b) bilangan kapal² terbang baru dan jenis kapal² terbang yang telah di-pesan untuk MAS;
- (c) sama ada MAS telah berjaya mengambil juruterbang², jurutera² dan pramugari²; dan

- (d) sama ada lapangan² terbang baru akan di-bena untuk penerbangan MAS dan sama ada lapangan² terbang yang ada sekarang akan di-perbesarkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) MAS akan memulakan penerbangan-nya sa-belum akhir tahun ini.
- (b) Bilangan² kapal terbang baru yang akan di-pesan untuk MAS ada-lah 7 buah dan jenis-nya ia-lah Boeing 737—200.
- (c) MAS telah berjaya dalam usaha²-nya untuk mengambil juruterbang², jurutera² dan pramugara² dan pramugari². Jumlah juruterbang² yang di-kehendakki oleh MAS ia-lah 120 orang. Juruterbang² yang di-kehendakki itu telah pun di-uruskan ia-itu:

87 orang akan berpindah dari MSA kepada MAS;

16 orang yang di-ambil oleh MAS melalui iklan-nya.

Di-samping itu ada 44 pelateh² juruterbang. Pada ketika MAS memulakan penerbangan-nya sa-kurang²-nya 17 orang dari pelateh² itu akan tamat latehan mereka dan akan berkhidmat dengan MAS. Berhubung dengan jurutera², jumlah kehendak MAS ia-lah 100 orang. Ini akan di-isikan oleh 58 orang yang akan berpindah dari MSA kepada MAS 31 orang akan di-ambil sa-bagai pinjaman dari Quantas, National Airways Co-operation New Zealand dan Boeing Company. Baki 11 orang lagi akan di-ambil ikut iklan yang sudah pun di-keluarkan. Ada permintaan² yang telah di-terima terbit dari iklan ini dan permintaan² ini maseh lagi dalam perengkat "processing". Berhubung dengan pramugara dan pramugari maka jumlah yang di-kehendakki ia-lah 129 orang. Ini akan di-isikan oleh pramugara/pramugari yang akan berpindah dari M.S.A. kepada MAS.

- (d) Sa-hingga hari ini Kerajaan telah memulakan pembenaan sa-buah lapangan terbang yang baharu di-Senai, lebeh kurang 15 batu dari Johor Bharu, untuk menerima kapal² terbang sa-benar Jenis Boeing 737—200. Lapangan terbang ini akan memenohi keperluan penumpang² di-selatan

Malaysia Barat dan juga penumpang² dari Malaysia Barat ke-Malaysia Timor dan sa-balek-nya dengan tidak tertaalok kepada kehendak² kesihatan dan imigereshen. Keperluan² bagi membena lapangan² terbang yang lain dan keperluan² bagi membesarkan lapangan² terbang yang ada sekarang ada-lah dalam kajian oleh sharikat pakar perunding dari Kanada. Kajian ini di-jangka akan siap dalam bulan Jun tahun ini. Suka saya menambah bahawa lapangan² terbang yang ada sekarang ini boleh di-gunakan oleh MAS apabila ia mengadakan perkhidmatan-nya.

LAPANGAN TERBANG PULAU PINANG—KETIDAKSUAIAN

46. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa-kah Lapangan Terbang Pulau Pinang telah di-istiharkan sesuai untuk kapal² terbang jenis Boeing MAS mendarat, manakala Thai International Airways menyatakan lapangan terbang itu tidak sesuai.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Thai International Airways Ltd. sa-lepas daripada 1hb April, 1972 telah menggantikan kapal² terbang-nya Jenis DC 9 dengan kapal² terbang Jenis DC 8 ia-itu jenis yang lebeh besar. Kapal² terbang jenis DC 8 ini tidak dapat mendarat di-Lapangan Terbang Bayan Lepas oleh kerana kekuatan panjang dan lebar landasan terbang tersebut tidak dapat menerima kapal² terbang sa-besar kapal² terbang Jenis DC 8 yang berkehendakkan landasan yang 8,500 kaki panjang sa-kurang²-nya, 150 kaki lebar dan L.C.N. 80 sa-kurang²-nya.

KEADAAN KESELAMATAN DI-SEPANJANG SEMPADAN THAI-MALAYSIA

47. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab keadaan keselamatan di-sepanjang sempadan Thai-Malaysia dalam tempoh satu tahun yang lepas bertambah burok.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa keadaan keselamatan di-kawasan² sempadan Thai/Malaysia telah bertambah burok dalam tempoh satu tahun yang lepas tidak-lah benar. Keadaan keselamatan di-kawasan tersebut ada-lah terkawal oleh sebab beberapa operasi menentang dan menghapuskan komunis telah di-lancarkan di-situ dan maseh lagi di-jalankan dengan giat-nya.

KURSUS² DI-DEWAN LATEHAN PEGAWAI² KERAJAAN KUALA LUMPUR

48. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jenis kursus² yang telah di-adakan sa-belum 1hb Mei, 1972 di-Dewan Latehan Pegawai² Kerajaan, Kuala Lumpur daripada beberapa kursus yang di-ranchangkan bagi tahun 1972; dan
- (b) bilangan peserta², tempoh dan tarikh bagi tiap² kursus yang telah di-adakan.

Perdana Menteri: Memandang bahawa soalan ini memerlukan jawapan yang panjang dan "detail" saya akan memberi jawapan sechara bertulis. (lampiran "A").

KURSUS² DI-DEWAN LATEHAN PEGAWAI² KERAJAAN SA-BELUM 1HB MEI, 1972

<i>Kursus/Seminar</i>	<i>Bilangan Peserta</i>	<i>Lama Masa</i>	<i>Tarikh</i>
1. Seminar Pembantu dan Penguasa Rumah Kebajikan..	38	13 hari	10-1-72 - 22-1-72
2. Kursus Teknik Latehan	28	9 hari	17-1-72 - 25-1-72
3. Kursus Odit	25	13 hari	31-1-72 - 12-2-72
4. Seminar Pegawai ² Kanan Kebajikan Masharakat ..	27	13 hari	31-1-72 - 12-2-72
5. Kursus Lepas Diploma Tadbiran Awam	5	20 hari	7-2-72 - 26-2-72
6. Seminar Jabatan Hasil Dalam Negeri	22	4 hari	9-2-72 - 12-2-72
7. Kursus Latehan Asas I	79	34 hari	21-2-72 - 25-3-72
8. Kursus Timbalan Penolong Pengarah Imigreshen ..	24	6 hari	20-3-72 - 25-3-72
9. Kursus Latehan Asas II	60	11 hari	10-4-72 - 20-5-72
KURSUS KERANI			
10. Kursus Am I	20	13 hari	10-1-72 - 22-1-72
11. Kursus Lantekan	20	6 hari	17-1-72 - 22-1-72
12. Kursus Am I	20	13 hari	24-1-72 - 5-2-72
13. Kursus Lantekan	20	6 hari	7-2-72 - 12-2-72
14. Kursus Lantekan	20	6 hari	21-2-72 - 26-2-72
15. Kursus Am II	20	20 hari	21-2-72 - 11-3-72
16. Kursus Lantekan	20	6 hari	6-3-72 - 11-3-72
17. Kursus Penyelia	20	13 hari	13-3-72 - 25-3-72
18. Kursus Am I	20	13 hari	3-4-72 - 15-4-72
19. Kursus Kewangan	20	13 hari	10-4-72 - 22-4-72
20. Kursus Am I	20	13 hari	17-4-72 - 29-4-72
21. Kursus Perkhidmatan	20	13 hari	1-5-72 - 13-5-72
KURSUS DI-LUAR			
22. Kursus Pengurusan dan Pentadbiran (di-Sabah) ..	20	12 hari	17-1-72 - 26-1-72
23. Perhubungan Awam (di-Seremban)	19	6 hari	6-3-72 - 11-3-72

LEMBAGA URUSAN TABONG HAJI— PENYIMPAN²

49. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan semenjak penubuhan Lembaga Urusan Tabong Haji sa-hingga 31hb Disember, 1971 :

- (a) bilangan penyimpan² yang bukan kaki-tangan Kerajaan;
- (b) bilangan penyimpan² yang terdiri dari kaki-tangan Kerajaan yang berpendapatan—
 - (i) di-bawah \$300.00 sa-bulan;
 - (ii) di-antara \$301.01 dan \$700.00 sa-bulan;
 - (iii) di-antara \$700.01 dan \$1,000.00 sa-bulan;
 - (iv) lebih dari \$1,000.00 sa-bulan;
- (c) bilangan penyimpan² dan bukan penyimpan² yang menunaikan fardhu haji di-Mekah dalam tahun 1971/1972 pergi dan balek dengan kapal laut;
- (d) bilangan penyimpan² dan bukan penyimpan² yang pergi menunaikan fardhu haji di-Mekah dalam tahun 1971/1972 dengan kapal terbang dan kembali dengan kapal laut; dan
- (e) bilangan penyimpan² dan bukan penyimpan² yang menunaikan fardhu haji di-Mekah dalam tahun 1971/1972 pergi dan balek dengan kapal terbang.

Perdana Menteri:

- (a) 41,563 penyiapan.
- (b) Bilangan penyiapan² yang terdiri dari kaki-tangan Kerajaan ia-lah 30,221 (pada 31hb Disember, 1971). Lembaga tidak menyiapkan perangkaan mengikut pendapatan.
- (c) 7,527 Jumaah Haji.
- (d) 699 Jumaah Haji.
- (e) 2,424 Jumaah Haji.

PERKEMBANGAN BAHAGIAN PENYELIDEKAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

50. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) sama ada Bahagian Penyelidikan yang di-tubuhkan dalam bulan Februari, 1970 di-bawah MAGERAN dengan sendiri-nya menjadi Bahagian Penye-

lidekan di-bawah Majlis Keselamatan Negara sa-sudah MAGERAN di-mansokhkan; dan

- (b) memandangkan permintaan untuk sa-orang pegawai penyelidik yang di-buat sa-masa meshuarat belanjawan baharu² ini, sama ada sa-orang pegawai penyelidik telah di-lantek dan jika ya, nyatakan nama pegawai ini dan tarikh perlantikan-nya.

Perdana Menteri:

- (a) Ya;
- (b) sa-orang Pegawai Penyelidik telah di-lantek semenjak 14hb Disember, 1970. Beliau ia-lah Y. B. Tan Sri Ferguson.

NEGARA² YANG MENENTANG PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP SELAT MELAKA

51. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan nama² negara yang telah menolak tuntutan Malaysia-Indonesia yang Selat Melaka bukan-lah perayeran antara-bangsa, dan nyatakan berapa banyak-kah kapal² perang luar negeri yang telah melalui Selat Melaka sejak 1hb Januari, 1972, beri butir² negeri itu, bentok sa-tiap kapal perang luar negeri, dan sama ada sa-tiap kapal itu telah mendapat kebenaran terlebih dahulu sama ada dari Malaysia atau pun Indonesia.

Perdana Menteri: Pada pengetahuan kita, hanya Jepun, Soviet Union dan Britain sahaja yang sechara terang² telah menyatakan bangkangan mereka terhadap pendirian kita mengenai Selat Melaka, walau pun kita menjamin hak perkapalan melalui Selat tersebut di-atas prinsip "innocent passage". Sa-belum amalan universal terhadap perayeran wilayah yang terhad kepada 12 batu diterima oleh Persidangan Law of the Sea, tidak-lah terdapat sa-barang undang² mengenai lalu-lintas kapal² perang sebagaimana yang di-bayangkan dalam soalan itu.

(Dengan izin) To our knowledge, only Japan, Soviet Union and Britain have so far openly declared their rejection regarding our stand on the Straits of Malacca, despite the fact that we guarantee the right of innocent passage through the Straits. Until the universal practice of a 12-mile territorial limit is adopted by the Law of the Sea Conference, there are no rules regarding the movement of warships, as envisaged by the question.

PENGHANTARAN AHLI² TEKNIK MALAYSIA KA-BANGLADESH

52. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Luar Negeri menyatakan ada-lah beliau bersedia menghantar ahli² teknik ka-Republik Bangladesh untuk membantu memulehkan Republik tersebut.

Perdana Menteri: Tidak ada permintaan daripada Bangladesh untuk ahli² teknik dihantar ka-Bangladesh untuk membantu memulehkan Republik tersebut. Perkara ini akan di-pertimbangkan jika permintaan sa-demi-kian di-terima daripada Bangladesh.

(Dengan izin) Bangladesh has not requested for technicians to assist her to rehabilitate the country. The matter will be given due consideration if and when such request is made.

PENUBOHAN PERHUBONGAN DIPLOMATIK DI-ANTARA MALAYSIA DENGAN REPABLIK BANGLADESH

53. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Luar Negeri menyatakan ada-kah Kerajaan bersedia menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Bangladesh, dan jika ya, bila.

Perdana Menteri Kerajaan sedang mengambil langkah² perlu untuk menubuhkan perwakilan di-Dacca.

(Dengan izin) The Government is taking steps to establish a mission in Dacca.

SELAT MELAKA—PENGUNAAN OLEH KAPAL²

54. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) ada-kah Kerajaan akan mengenakan chukai ka-atas kapal² asing yang melalui Selat Melaka dalam lengkungan 12 batu perayeran wilayah Malaysia; dan
- (b) ada-kah Kerajaan akan melarang kapal² perang menggunakan Selat Melaka.

Perdana Menteri:

- (a) Saya tidak mempunyai apa² chadangan mengenai perkara mengenakan chukai ka-atas kapal² yang menggunakan Selat Melaka. Mengenaikan chukai ka-atas kapal² yang melintasi selat tersebut dengan tujuan² baik, sesuai dengan

prinsip "innocent passage" ada-lah ditegah oleh "Convention on the Law of the Sea", ia-itu suatu undang² antara bangsa yang di-terima dan di-aku² oleh Malaysia sendiri.

- (b) Kapal² perang, sebagaimana juga kapal² biasa yang lain-nya, mempunyai hak lalu-lintas dengan tujuan² baik (right of innocent passage) menurut "Geneva Convention on Territorial Sea", kechuali jika mereka tidak patoh dengan sebarang peratoran² yang kita kenakan ka-atas lalu-lintas tersebut. Buat masa ini belum lagi terdapat sebarang peratoran yang khusus mengenai lalu-lintas kapal² perang asing di-Selat tersebut.

(Dengan izin)

- (a) I have no proposal for the levy of tolls on ships using the Straits of Malacca. The levy of tolls on ships using the territorial waters for innocent passage by reason of their passage is prohibited by the Convention on the Law of the Sea, an international convention to which Malaysia herself has acceded.
- (b) Warships, as well as other ships, have the right of innocent passage in accordance with the Geneva Convention on Territorial Sea, unless they do not comply with any regulations that we may introduce in their regard. At present there are no regulations specifically applicable to foreign warships using our waters.

BANTUAN MALAYSIA TERHADAP BRUNEI UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN

55. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Malaysia telah membantu Brunei dalam usaha-nya untuk mencapai kemerdekaan dengan tidak menimbangkan sama ada Brunei akan menyertai Malaysia atau tidak.

Perdana Menteri: Brunei tidak meminta apa² bantuan, oleh itu tidak-lah wajar bagi kita untuk champor tangan dalam hal ehwal negeri itu.

(Dengan izin) Brunei has not asked for any assistance and therefore it is not proper for us to interfere with the affairs of Brunei.

USUL

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PUERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat mengucapkan sebanyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketiga." (10hb Mei, 1972).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sa-belum daripada saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Batu menyambong ucapan beliau, ada satu dua perkara, pandangan yang saya hendak buat. Pertama-nya saya sendiri merasa bangga memerhatikan sa-makin hari sa-makin bertambah ramai Ahli² Yang Berhormat membuat ucapan dalam bahasa Malaysia dan ini kita patut galakkan di-dalam Dewan ini, tetapi mengikut peratoran jika Ahli itu hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, kena-lah minta izin daripada Yang di-Pertua Dewan lebeh dahulu. Lazim-nya Ahli Yang Berhormat yang hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, saya katakan kena-lah meminta izin lebeh dahulu. Sa-bagai menghormati Yang di-Pertua Dewan, saya chadangkan, elok-lah Ahli² Yang Berhormat yang meminta izin itu mendapat keizinan terlebeh dahulu sa-belum berchakap dalam bahasa Inggeris.

Yang kedua-nya, Ahli² Yang Berhormat yang ada dalam Dewan pada petang semalam, yang telah mendengar perbahathan berkenaan dengan satu usul bagi meminda Peratoran Tetap. Sa-bagaimana kita sedia ketahu² dalam perbahathan hendak meminda Peratoran Tetap itu telah terbit beberapa sungutan atas kebimbangan, takut kalau masa yang di-peruntukkan dalam Peratoran Meshuarat yang ada sekarang ini tidak men-

chukopi bagi semua Ahli yang hendak berchakap atas perbahathan menyampaikan junjong kaseh kepada Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberikan akuan bahawa sa-siapa sahaja Ahli Yang Berhormat yang hendak berchakap, akan di-beri peluang berchakap. Saya menchadangkan, elok-lah bagi pehak Ahli daripada bangku² Kerajaan, mana² Ahli yang berchadang hendak berchakap di-dalam perbahathan ini, elok-lah memberitahu kepada Whip Kerajaan sa-lama mana ia hendak berchakap dan juga bagi pehak Ahli Pembangkang, hendak-lah memberitahu kepada Ketua-nya, sebab di-dalam Dewan sekarang ini sudah ada Leader of Opposition, berapa orang yang hendak berchakap dan berapa lama supaya boleh-lah pehak Kerajaan membawakan apa² usul yang mustahak supaya memanjangkan waktu Persidangan Dewan kita ini dalam masa yang di-peruntukkan bagi membahathkan ucapan ini.

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambong ucapan saya dan di-samping ini hendak memohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di-izinkan.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, apabila Dewan ini di-tanggohkan petang semalam saya telah sentoh satu kes sa-orang penuntut bumiputra yang ada di-Lower Six Science Stream di-sabuah sekolah di-Kuala Lumpur dan keputusan² beliau di-dalam Pepereksaan M.C.E. ia-lah saperti berikut:

Elementary Mathematics ...	C5
Ilmu Hisab Tambahan ...	Tidak lulus
dan Sains Tambahan ...	P8

kalau satu point lagi beliau tidak lulus mata pelajaran Sains Tambahan itu.

Jadi, ketiga² mata pelajaran-nya ia-lah jumlah-nya 22 point. Kebiasaan-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang yang hendak memasoki kelas itu di-kehendaki mendapat chuma 9 point sahaja. Saya tidak menyatakan semua anak bumiputra terpaksa atau

perlu ada 9 point, tetapi saya menyokong jika anak bumiputra boleh, kalau ada 12 point, 13 point atau 15 point pun boleh memasuki ka-Science Biology Stream, tetapi kalau sa-kira-nya sa-orang murid memasuki kelas ini beliau mesti ada kebolehan-nya untuk lulus beberapa kertas peperiksaan didalam H.S.C. Di-dalam H.S.C. ini murid² terpaksa belajar Mathematics Principal level, Chemistry, Physics dan Biology dan sa-kira-nya sa-saorang penuntut tidak ada kebolehan maka mereka tidak boleh lulus peperiksaan yang akan datang.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, if such a person has no hope of passing the examination, then when she fails the examination, she will be frustrated and disappointed when the results are announced. Far better for the Government to send such students, say, to the M.I.T., where they can be encouraged to take courses that are suitable for their talents. There are facilities for remedial action for students like the case that I have quoted to equip her to take a wide range of courses in the M.I.T. that are available to her. Her chances of passing are far greater and when she does so she can easily find a niche in either the public or private sector.

In this connection. Mr Speaker, Sir, the Government and statutory bodies should stop sending Malaysians abroad for undergraduate studies when such facilities are available in this country. I will exclude from this category those who have been awarded Colombo Plan scholarships or other Governmental awards. But people apart from this category should not be allowed to go abroad or sent abroad on public funds when such facilities are available in this country.

Likewise, Mr Speaker, Sir, in our universities the science and allied science faculties are asked to take Bumiputra students whose chances of passing the tough examinations are, to say the least, very slim. Again, these students should be directed to technical colleges where they can take diploma courses which are suitable for their talents. If these categories of students fail they not only become frustrated and disappointed but perhaps embittered as well and they are also depriving others places in our universities.

Mr Speaker, Sir, Section 47 of the University of Malaya Act empowers the Minister of Education to call on the University of Malaya to take on all the Bumiputra students

who gain entry into our universities, but this is now being abused because it is being used as a back-door entry for non-Bumiputra students and this is a blatant abuse, Mr Speaker, Sir. These non-Bumiputra students who cannot gain entry into our universities on merit alone wheedle scholarships, bursaries and loans from the Federal and State Governments and from MARA as well and so they get into our universities by the back-door. More and more such scholarships, bursaries and loans are being awarded and unless this practice is stopped the time will come when those who have no scholarships, whatever may be their merit, cannot get into our universities and when that day arrives I say it will be a tragic day for this country, where only those who can wheedle scholarships from the powers that be can get into our universities and those who with merits cannot, not only in our universities but in other universities, gain entry because they do not have the connections to get bursaries and scholarships.

Mr Speaker, Sir, these scholarships, bursaries and loans in the main are acts of political patronage for services rendered to the Alliance Party. By and large, those who know Ministers, Menteri Besar, etc. are the people who get them while those without such connections are left in the cold. The Pekemas calls on the Minister of Education to put an end to this favouritism and nepotism for entry into our universities. No non-Bumiputra should be allowed to gain entry into our universities under Article 47 of the Constitution and they should be allowed to get entry into our universities on merit alone and not through political patronage as is the practice now. After they have been allowed entry into our universities on merit alone, then, Mr Speaker, Sir, they can be given scholarships, bursaries and what have you. In this connection, I want to make one exception and that would be students from Sarawak and Sabah and from the East Coast because there the schools are not as well equipped and there the schools have not as high a standard of teaching as on the West Coast. Other than that, we know there are on the West Coast literally hundreds of students who have been awarded such scholarships. Some of these students, I know for a fact, get not one, but two or three scholarships in the hope that numbers make them more important to the

university authorities. But numbers do not count; it is the number of points that you get in the H.S.C. examination that are computerised, which show your grading and count for admission at least into the University of Malaya.

Mr Speaker, Sir, no other decision of our judiciary has stirred up the feelings and emotions of the women of this country as had the judgment of Mr Justice Mohd. Azmi when he upheld the divorce of Mary Ng by Ooi Gim Teong. But few people in this country realise that the learned Judge's hands were tied for the famous "Six Widow's Case" enunciated the principle that the personal law of the Chinese in the Straits Settlement was based on race irrespective of domicile or religion and it has been extended to all Chinese throughout Malaysia as well.

Mr Speaker, Sir, in the case before Mr Justice Mohd. Azmi the respondent called on an expert in Chinese customs, Mr Lee Siow Mong, who testified that according to Chinese custom a husband can literally divorce his principal wife (T'sai) on any of the following seven grounds, and with your permission, Sir, I would like to quote the grounds:

- (1) unfilial or disrespect to husband's parents;
- (2) barrenness;
- (3) adultery;
- (4) suffering from serious disease such as leprosy;
- (5) jealousy;
- (6) talkativeness;
- (7) committing theft.

Mr Speaker, Sir, these grounds of divorce make it more easy for a Chinese to divorce his wife than for a Muslim to do likewise. At least the Muslim can no longer say "three talak" and divorce his wife but he has to justify his case before a Kathi's court and the ground for divorce certainly does not include talkativeness or jealousy. These grounds for divorce might have been valid in the days of the Ming Dynasty or in the dim past of Chinese history but certainly the Chinese woman of today, whether in this country or elsewhere, will not accept such a practice in this year, A. D. 1972.

Time and again after the "Case of the Six Widows" the judges in their judgment have stated that the remedy lies with the legislature

in our country and it is most regrettable that the chauvinistic male dominated legislature has been dragging its feet to institute marriage reforms in this country.

Thus Mr Justice Mohd. Azmi in his judgment stated, and I quote again,

"In dismissing this application, I have not overlooked the possible effect of my decision on the position and status of Chinese women in this country who have gone through marriage according to their personal law. As learned counsel for the applicant has forcefully put it, allowing a Chinese man in this modern age to divorce his wife for either talkativeness or disobedience would amount to giving thousands of Chinese husbands a gun in their hands. This may be so; and if the Chinese customary law on marriage and divorce are no longer popular and considered obsolete, it is for the legislature to make inroads into them, as has already been done in China."

Mr Speaker, Sir, Mr Lee Siow Mong has been castigated by the women of this country and is regarded by them as the villain of the peace for the Azmi Judgment. I want to say that Mr Lee Siow Mong was but giving his opinion as an expert on Chinese Customary Law and that as far as I can interpret, it did not necessarily mean that he subscribed to the fact that the seven causes for divorce he quoted should be valid today. He has written an article for the Malayan Law Journal and he ended this article with this passage and I have his permission, Mr Speaker, Sir, to quote his article.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Are you going to quote the whole article, Honourable Member?

Dr Tan Chee Khoo: No, only the last bit regarding his opinion. I quote:

"The remedy to the local situation seems to be that all the Chinese who are married according to Chinese custom should avail themselves of the protection given by the law relating to civil marriages, and get themselves registered instead of having to face a similar problem in the future. This is the land of their adoption and to cling to their customs to the complete exclusion of a law that has been enacted to protect them is sheer stupidity. On the other hand, the Government should also enact a law to

make it compulsory for all customary marriages to be registered and thereby put an end to all these squabbles on whether a Chinese married according to custom has in fact contracted a valid marriage, or when he comes to divorce his wife whether he could in fact do so, and, if he could, whether he has done it in the proper way. Such a law will benefit both man and woman and put family life on a proper footing in this modern age."

Mr Speaker, Sir, there are other unsatisfactory features regarding divorce and the rights of succession to estates amongst the Chinese in this country.

Thus in the case of Ding Do Ca Decd. before the Court of Appeal headed by Thomson, Lord President, Ong Hock Thye, Ag. C. J. (Malaya) and MacIntyre J., Thomson, L. P. stated and I quote: "In Loh Toh Met's case it was decided by the Court of Appeal that for the purposes of the Distribution Enactment Chinese polygamous marriages are lawful, that a Chinese domiciled in this country can contract such a marriage irrespective of whether or not he professes the Christian religion and that the children of such marriages are legitimate." Mr Speaker, Sir, I am a Christian and I have always thought that having got married in Church that would be a monogamous marriage. I did not realise that I could at the same time contract a polygamous marriage according to this decision of the Court of Appeal.

Mr Speaker, Sir, in dismissing the case brought before the appellants, Thomson, L.P. stated and I quote again: "The second is that the whole question of personal law in this country, particularly as regards questions of marriage, divorce and succession, calls for the attention of the legislature. As regards persons professing Islam the position is tolerably clear. But as regards persons of Chinese race, the law the courts are administering is probably different from any law that exists or ever existed in China. It even differs from the law that is applied in at least one other jurisdiction within which there are large numbers of locally-domiciled Chinese persons (*see Mong Kuen Wong v. Way Wong*). The same sort of situation may well arise in relation to persons professing the Hindu religion by reason of the enactment in India of the Hindu Marriage Act, 1955.

The question involved are questions which go to the very root of the law relating to the family which, after all, is the basis of society at least in its present form and the existence of a civilised society demand that these questions should be settled beyond doubt by legislation which will clearly express the modern mores of the classes of persons concerned and put the rights of individuals beyond the chances of litigation.

Ong Hock Thye, Ag. C. J. (Mala) concurred.

MacIntyre, J.: "I have had the advantage of reading the judgment of the Lord President in this appeal with which I concur. I cannot but fully support his call for legislative action to bring our laws in regard to marriage, divorce and succession, in so far as they affect non-Muslims in this country, in conformity with modern thinking on these subjects."

Mr Speaker, Sir, these cases that I have quoted show how powerless the judiciary is, how they have indicated time and again that the remedy lies with the legislature and it is about time that the legislature bestirs itself to put right a grave injustice to the women of this country.

The women of this country, Mr Speaker, Sir, are on the warpath and before they form themselves into the Malaysian Liberation Movement for the Emancipation of Women of this country and before they march to the office of the Attorney-General or even before they march into this House itself, this House should bestir itself to put right the injustice to the women of this country.

If the Government is still dragging its feet over the introduction of the Law Reform (Marriage and Divorce) Bill, then I call on the wives of the Ministers—and Mr Speaker, Sir, I see in the Ministerial Bench only one Minister and happily she is the wife of also an Honourable Minister—I call on all the wives of all our Ministers to deny conjugal rights to their husbands until that Bill is passed. Speaking as a doctor, Mr Speaker Sir, I can assure this House that this action on the part of the wives of our Ministers will stir up the Government front benches as nothing else will. Besides this will help in the National Family Planning efforts.

For the wives, Mr Speaker Sir, of the Ministers of Chinese origin I can assure them that temporary refusal to cohabit with their spouses is not one of the grounds for divorce as listed by the expert saudara Lee Siow Mong. So they are safe on that score. And I believe that under the Muslim Law also refusal to temporarily cohabit with their spouses also is not a cause for divorce.

At long last the Government is about to introduce the Law Reform (Marriage and Divorce) Bill based on the recommendations of the Royal Commission on Non-Muslim marriages and divorce laws. This Bill, amongst other things provides monogamous marriage for all Malaysians except the Muslims and also other far reaching reforms relating to marriage and divorce.

I call on the Attorney-General to give the widest publicity to the Law Reform (Marriage and Divorce) Bill and distribute it as widely as possible particularly to women's organizations and civic bodies in this country. I also call on these organizations and individuals as well to get copies of this Bill and send their views to the Prime Minister's Department as early as possible.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang hendak saya sentoh dalam Dewan ini sekarang ia-lah mengenai dengan peratoran² yang lebih berkesan bagi mengurangkan percheriaan dan juga bagi mengurangkan perbuatan² perkahwinan lebih dari satu di-kalangan kaum Muslimin supaya dengan itu akan dapat meletakkan kedudukan kaum wanita di-Malaysia am-nya dan wanita² Islam khas-nya kepada satu taraf yang dihormati.

Sayugia di-ingat bahawa kedudukan kaum wanita Islam hari ini ada-lah amat memalukan. Mereka di-kotak-katekkan oleh keadaan dan menanggung pelbagai macham kesulitan hidup, pada hal Nabi Muhammad sendiri telah memberi jaminan tentang kedudukan kaum wanita dengan mengatakan bahawa, "mereka itu bukan-lah barang yang boleh di-jual beli" Kedatangan Nabi Muhammad telah memberi harapan baharu untuk wanita. Nabi Muhammad, sa-masa ada hayat-nya pernah menyebelahi pihak jenis yang lemah dalam sa-suatu pertikaian rumah-tangga.

Sa-bagai ugama yang suchi, Islam telah meninggikan taraf kedudukan kaum wanita yang tidak ada tolok-banding-nya dalam sejarah kehidupan manusia. Oleh kerana itu, kira-nya wanita tidak mendapat pembelaan yang wajar, ini ada-lah di-sebabkan kerana beberapa kekurangan dalam masharakat Islam sendiri dan juga oleh kerana ada-nya undang² dan peratoran² yang sudah lapok dan tak sesuai. Ini-lah undang² dan peratoran² yang sa-harus-nya di-ubah dan di-selarikan dengan kehendak masa dan keadaan.

Sa-belum kita meninjau lebih jauh lagi terhadap hal ini, maka tidak-lah boleh di-sangsikan tentang kedudukan kaum wanita Islam—kaum wanita Islam mempunyai hak yang sama dengan kaum lelaki. Yang berbeza ia-lah tentang tugas² dan tanggung-jawab² yang ujud dek kerana jenis-nya. Oleh yang demikian itu kaum wanita dan kaum lelaki Islam mempunyai "fungsi" yang berlainan. Banyak contoh² yang dapat kita ambil bagi menguatkan alasan itu. Sa-potong ayat Qur'an ada menyatakan:

"Mereka (para isteri) ada-lah merupakan"

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat dari Batu itu berugama Islam?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan dalam Dewan ini, saya bukan orang yang berugama Islam. Saya ia-lah sa-orang yang berugama Kristian. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di-mana² juga kalau ada mana² kaum di-hinakan oleh kaum lelaki, saya mesti menimbulkan, membentangkan ka-Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada tegoran daripada Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Saya ucapkan terima kaseh kepada Y. B. wakil dari Batu yang memperjuangkan untuk meninggikan taraf kaum wanita. Tetapi sa-tahu saya berhubung dengan pentadbiran, Ugama Islam tidak boleh di-binchangkan di-sini, itu ada-lah pentadbiran Kerajaan Negeri dan ada-lah hak Raja² Negeri² yang memerintah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau berhabit dengan pentadbiran tidak boleh disentuh, dengan jalan am-nya tidak apa, kalau detail mengenai pentadbiran tidak boleh disentuh dalam Dewan ini, ada-lah betul sa-bagaimana yang di-jelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, chuma saya hendak sentoh sedikit sahaja tentang Qur'an.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jika hendak menyebutkan berkaitan dengan pentadbiran bagi membela kaum² wanita, itu perkara lain. Berkenaan dengan agama Islam boleh di-sebut dengan jalan am, tetapi tidak boleh sentoh atas perkara detail tentang chara mana hendak membela-nya, Dewan atau badan yang lain yang akan menimbangkan-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, Tuan Yang di-Pertua. "Mereka (para isteri) ada-lah merupakan pakaian bagi kamu dan kamu ada-lah pakaian bagi mereka."

Al-Qur'an, Surah 2, Ayat 157.

Memandangkan

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu itu menyebut soal Qur'an, saya ingin mendapat penjelasan, ada-kah Ahli Yang Berhormat dari Batu ini perchaya kepada Qur'an?

Dr Tan Chee Khoon: Saya sa-bagai sa-orang Kristian yang liberal ada membacah beberapa agama dan menghormati semua agama, tetapi saya ia-lah sa-orang beragama Kristian.

Pakaian-lah menandakan peradaban dan kesempurnaan bagi manusia dan oleh itu pakaian tidak boleh di-tanggalkan dalam kenyataan hidup, dan sa-terus-nya Al-Qur'an mengatakan lagi:

"Dan di-antara beberapa tanda² ke-besaran-nya, Dia "TUHAN" mengadakan untuk kamu pembantu² dari kalangan kamu sendiri supaya kamu dapat gantong-bergantong pada-nya dan Tuhan mengujikan perasaan kasah sayang serta timbang rasa."

Al-Qur'an, Surah 30, Ayat 21.

Jadi, keluarga Islam ada-lah merupakan satu unit penting. Gagal-nya meujudkan keluarga itu, maka akan runtuh-lah benaan Islam yang menurut sejarah-nya ada-lah satu agama yang sempurna dan suci dan di-jamin pula oleh Tuhan. Dalam keluarga Islam lelaki mempunyai tugas tersendiri. Kaum lelaki dan keluarga tidak boleh di-asingkan. Kaum lelaki dalam keluarga mestilah bertanggung-jawab ka-atas isteri dan anak²-nya. Dan dari jurusan itu kaum lelaki ada-lah di-anggap mempunyai taraf yang lebih tinggi walau pun tanggung-jawab dan hak-nya tidak-lah berbedza sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Al-Qur'an:

"Kaum wanita hendak-lah berkelakuan terhadap suami sama seperti kelakuan suami ka-atas mereka menurut garis² keadilan. Tetapi kaum lelaki (suami) sa-harus-nya mempunyai taraf yang lebih tinggi dari kaum wanita. . . ." *Al-Qur'an, Surah 2, Ayat 228.*

Tuan Yang di-Pertua, kelebihan kaum lelaki di-sini ada-lah di-maksudkan tentang hal² yang berkait dengan material. Pimpinan keluarga itu sa-dapat²-nya ada-lah di-tangan kaum lelaki—kaum bapa—dan para suami; keunggulan moral, tanggung-jawab bagi mendidik anak² dan sa-umpama-nya ada-lah terletak pada kedua² lelaki dan perempuan atau suami dan isteri.

Menurut riwayat hadith, Nabi Muhammad pernah bersabda: "Sedangkan Shurga itu ada-lah terletak di-bawah telapak kaki ibu" Dan bagini-lah status yang di-beri oleh Muhammad kepada kaum Ibu. Muhammad juga pernah berkata: "Sa-baik² orang di-antara kaum ada-lah orang yang bersikap adil dan saksama terhadap isteri-nya"

Dan berhubung dengan soal perkahwinan, suka-lah saya menyebutkan dalam Dewan ini, seringkali kita melihat dalam masyarakat Islam yang mana pehak wanita tidak mendapat hak yang wajar untuk melarikan diri dari suami yang rakus dan zalim atas alasan bahawa hak cherai itu chuma ada pada kaum lelaki (suami). Pada hal kaum wanita ada-lah mempunyai hak untuk memilih suaminya. Sa-kira-nya sa-suatu perkahwinan itu di-lakukan oleh kedua ibu bapa tanpa mendapat izin dari gadis anak-nya, maka perkahwinan itu ada-lah tidak sah. Imam Al-Ghazali ada menyebutkan dalam riwayat-nya, ia-itu pada satu hari sa-orang gadis telah

melaporkan kepada Nabi Muhammad bahawa dia telah di-kahwinkan oleh kedua ibu-bapanya tanpa mendapat persetujuan-nya. Sa-telah mendapat keterangan dari gadis itu, maka Nabi Muhammad sendiri telah memerintahkan supaya perkahwinan itu di-batalkan. Bagaimana pun, gadis itu telah menukar fikiran-nya dengan mengatakan bahawa dia sayang kepada suami-nya itu dan perkahwinan itu pun di-teruskan. Di-sini bolehlah juga di-jelaskan bahawa kira-nya sa-saorang perempuan itu mempunyai alasan² yang chukop maka dia

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada-kah Yang Berhormat hendak mengshorkan dalam Dewan ini supaya di-buat undang² meluluskan beberapa perkara yang tidak ada diluluskan lagi, sebab berkenaan dengan hukum² ugama Islam, undang² itu ada-lah di-bawah kuasa badan yang lain. Bagaimana saya katakan tadi kalau hendak sebut dengan jalan 'am, patut di-bela dan lain² itu tidak apa. Jikalau hendak menyebut daripada nas² dan daripada hadith² menjadi satu hujah supaya undang² di-ubah atau di-gubal, ini bukan kerja Dewan ini. Saya berharap jika ucapan Ahli Yang Berhormat hendak salari ikut jalan itu, saya minta tidak payah-lah di-panjangkan. Ini susah, ucapan-nya di-buat, dia tulis dahulu, hendak di-bacha, hendak potong sa-kerat², ini payah.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, saya di-Dewan ini mencari peluang untuk menunjokkan hak² kaum wanita khas-nya kaum wanita Islam dan jika tidak sa-saorang yang membinchangkan masalah ini, maka kaum wanita diseluruh Malaysia boleh pergi seperti yang dinyatakan oleh saya di-Pejabat Peguam Negara. Ini buat susah, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah saya sebutkan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat Wakil Batu saya suka mengingatkan, walau pun masalah ini di-bawa ka-dalam Dewan hendak meminta Pejabat Peguam Negara bagi membuat undang² berkenaan dengan perkahwinan orang² Islam, oleh kerana, Pejabat Peguam Negara tidak boleh buat atas perkara ini di-sebabkan perkara ini ada-lah hak Kerajaan² Negeri, hak Sultan yang memerintah Negeri itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan, berhubung dengan ucapan Ahli Yang Berhormat ini, satu perkara yang di-katakan bahawa umat² Islam khas-nya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan tidak boleh, kalau point of order, boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya, saya hendak berikan penjelasan. Berhubung dengan pentadbiran Ugama Islam khas-nya wanita² Islam tidak payah Ahli Yang Berhormat khabarkan dalam Dewan ini, kita ada Jabatan Ugama. Lebar dengan ayat Qur'an dan hadith, ada-kah Ahli Yang Berhormat ini percaya akan ayat² Qur'an dan hadith itu?

Yang kedua, ada-lah Ahli Yang Berhormat mengambil kesempatan atas parti supaya orang² Islam menyokong parti Pekemas ini? (Ketawa).

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membangkitkan perkara ini di-Dewan Negeri, mereka mengatakan saya hendak memancing undi. Di-sini Wakil dari Muar Utara juga membantah saya membentangkan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah menjawab tuduhan² daripada sahabat² saya.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli itu takut dia di-tudoh hendak memancing undi, beliau ada hak sa-bagai Wakil Ra'ayat Dewan Negeri dan Dewan Parlimen, kalau dia tidak mahu publicity, dia boleh pergi ka-Pejabat² Ugama meminta berdialog dengan pehak² yang berkenaan di-Pejabat Ugama, dengan bersungguh² untuk memperjuangkan hak wanita dan kaum Isteri Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi point of order-nya tidak boleh di-sentuhkan di-sini atas perkara ini—saya sudah ma'alumkan tadi. Saya fikir ada-lah lebih baik di-ubah supaya di-sambong sahaja kepada perkara yang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dan saya hendak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa lama lagi Ahli Yang Berhormat hendak ber-uchap, ini sudah hampir tiga empat puloh minit, kalau di-champorkan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat semalam.

Dr Tan Chee Khoon: Satu perkara lagi yang saya hendak sentoh di-sini yang mustahak ia-lah sa-saorang Islam yang berkahwin di-sabua Negeri di-hadapan sa-orang Kadhi, sa-tahun dua lagi dia pergi ke Negeri lain, umpama dia berkahwin di-negeri Perlis dan dia pergi ka-Johor dan menyatakan dia belum kahwin dan berkahwin lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, masalaah yang paling penting. Saya menhadangkan supaya Kerajaan boleh mengadakan pendaftaran kebangsaan untuk perkahwinan Muslimin, oleh sebab kalau ada.

Tuan Hussein bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit, boleh-kah Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi memberi contoh mana satu orang Islam yang saperti itu yang berkahwin di-Perlis kemudian pergi berkahwin pula di-Johor?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, di-gudang ubat saya ada beberapa orang perempuan datang di-situ, saya bertanya: Makchik sudah kahwin? Dia jawab, dia di-tinggalkan oleh suami-nya dengan tidak bercherai. Bukan sa-kali sahaja, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali, oleh sebab itu, saya membentangkan masalaah² kaum wanita di-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kita ada pendaftaran kebangsaan ini dan apabila perkahwinan semua di-daftarkan, maka jika perlu Kerajaan mengadakan computer untuk mendaftarkan perkahwinan antara Muslimin kalau sa-kira-nya sa-saorang berkahwin di-Johor dan dia sudah berkahwin di-Perlis, Tuan Kadhi itu boleh bertanya dengan Pegawai Pendaftaran Kebangsaan ini dan dia boleh tahu dalam dua tiga hari atau dua tiga jam, orang ini sudah berkahwin atau belum berkahwin. Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini telah berjalan kerana Jabatan Ugama Islam Negeri² ini tidak payah di-sentoh lagi, orang Islam boleh berkahwin sampai 4, kalau dia hendak kahwin di-Perlis, di-Johor boleh kahwin, Islam meluluskan, buat apa di-buat satu bantahan yang sa-macam itu dan perkara ini telah berjalan. Pejabat Ugama Daerah itu bertanya, ada-kah kamu sudah berkahwin, kalau sudah berkahwin di-nyatakan sharat²-nya

